


**Jilid II
Bil. 45**



**Hari Jumaat
2hb November, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6461]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6498]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6498]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D'K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 2hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAJLIS PENASIHAT
KEBUDAYAAN SEKOLAH-
SEKOLAH

1. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyenaraikan nama-nama ahli Majlis Kebudayaan Sekolah-sekolah yang baru-baru ini ditubuhkan. Apakah fungsi-fungsi utama bagi majlis ini; adakah Kementerian bercadang menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang serupa pada peringkat negeri dan sekolah dengan penyertaan yang aktif dari berbagai komuniti.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Penasihat Kebudayaan Sekolah-sekolah Malaysia belum lagi dilantik.

Fungsi utama Majlis Penasihat Kebudayaan Sekolah-sekolah Malaysia ialah:

- (a) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di sekolah-sekolah dan memberikan fikiran, pandangan

nasihat dan syor kepada Menteri Pelajaran mengenainya.

- (b) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor kepada Menteri Pelajaran mengenainya.

- (c) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan penyertaan semua kaum dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di sekolah-sekolah dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor kepada Menteri Pelajaran mengenainya.

- (d) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan masalah pelaksanaan kebudayaan di sekolah-sekolah dan masalah kebudayaan amnya di sekolah-sekolah dan terutama dalam konteks sistem pendidikan dan nilai-nilai kebudayaan kebangsaan dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor kepada Menteri Pelajaran mengenainya.

Jawatankuasa-jawatankuasa yang serupa di peringkat negeri akan ditubuhkan dengan fungsi yang sama dan dipengerusikan oleh Pengarah Pelajaran Negeri.

Di peringkat sekolah pula, Guru Besar telah diarahkan untuk

berhubung rapat dengan masyarakat dalam usaha melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat perasaan bimbang di kalangan rakyat yang tertentu bahawa Majlis ini dan juga Jawatankuasa yang akan ditubuhkan di peringkat Negeri dan sekolah mungkin akan menyekat kegiatan-kegiatan budaya selain daripada kebudayaan Melayu dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin bahawa ini tidak berlaku?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam sekolah, tidak ada kebimbangan itu tetapi di luar sekolah ada soal-soal yang didengar. Walau bagaimanapun sebagaimana yang saya katakan bahawasanya Jawatankuasa ini pada peringkat Persekutuan dan Negeri akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada semua kaum dan dengan itu perkara yang dibimbangkan sebenarnya saya ingat tidak akan berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa tujuan Majlis ini ialah akan melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional di peringkat sekolah-sekolah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa oleh kerana masih tidak mendapat persetujuan daripada semua kaum khususnya di Malaysia mengenai apa yang sepatutnya menjadi Dasar Kebudayaan Nasional, pada peringkat ini untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional dalam peringkat sekolah-sekolah akan menimbulkan satu masalah yang besar yang boleh memecah-belahkan masyarakat kita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu contoh bagaimana unsur ketiga Dasar

Kebudayaan Nasional ialah bahawa Islam sebagai unsur yang mustahak dalam Dasar Kebudayaan Nasional, contohnya boleh dilaksanakan dalam sekolah-sekolah jenis aliran Cina atau Tamil.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tentang apa-apa dasar yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan dalam sesebuah negara demokrasi, tidak semestinya seratus peratus orang yang akan suka dengan dasar-dasar itu dan bagi mereka yang tidak suka dengan suatu dasar itu maka dengan amalan demokrasi yang terdapat dalam negeri itu maka tentulah suara menentang dan tidak suka itu akan didengari. Tetapi dalam hal Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah satu dasar yang disokong oleh majoriti rakyat dan selama ini telah pun dalam pelaksanaan dan saya kira inilah yang akan menjadi dasar yang akan diikuti dan akan dilaksanakan di sekolah-sekolah.

Berhubung dengan perkara yang ketiga iaitu Islam adalah faktor terpenting dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu dan pelaksanaannya yang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya saya tadi, bagaimana ia dapat dilaksanakan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan di mana mungkin tidak ada pelajar-pelajar yang beragama Islam. Soalnya ialah yang hendak dilaksanakan itu tidaklah semestinya bertentangan dengan apa-apa nilai-nilai agama Islam.

Yang kedua, di kawasan ataupun dalam sekolah-sekolah di mana terdapat pelajar-pelajar bukan Islam kita tentulah tidak akan mengharapkan sesuatu aspek kebudayaan yang menepati dengan agama Islam itu dilaksanakan. Dalam hal ini apa yang penting yang hendak diberi perhatian ialah nilai-nilai persamaan, nilai-nilai yang tidak akan

bercanggah dengan ajaran agama Islam itu. Saya percaya nilai-nilai adalah nilai-nilai yang universal yang boleh terdapat dalam mana-mana agama pun dan diamali oleh kaum di mana-mana juga nilai-nilai seperti amanah, nilai-nilai seperti rajin kerja, kuat, tekun belajar. Ini adalah aspek-aspek yang ada kaitannya dengan kebudayaan kita itu.

Kita tidak boleh melihat kebudayaan hanya dalam konteks yang dikatakan kesenian semata-mata tetapi kebudayaan itu melebihi daripada itu. Dia merangkumi segala aspek kehidupan kita dan di mana nilai-nilai yang kita pegang itu adalah nilai-nilai yang baik dan nilai-nilai yang tidak berlawanan dengan agama Islam maka saya percaya itu akan menjadi amalan kita dan amalannya saya fikir tidak akan membimbangkan mana-mana kaum pun.

DASAR PERTANIAN NEGARA

2. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar masih begitu ramai petani dan nelayan terus tidak dapat keluar dari lingkaran kemiskinan disebabkan oleh kurangnya hasil pendapatan walaupun mereka bekerja kuat. Oleh itu, apakah langkah dari segi pelaksanaan yang berkesan sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian bagi mengurangkan kemiskinan Petani dan Nelayan selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian; dan
- (b) sejauh manakah kaedah moden dalam mengusahakan sepenuhnya sumber-sumber perikanan telah dapat dipertingkatkan melalui penggunaan kepakaran

tempatan dan luar negeri. Apakah dasar ini tidak bercanggah dengan nelayan-nelayan tradisional (nelayan pantai). Jika tidak, apakah galakan-galakan, khidmat sokongan dan bantuan-bantuan sewajarnya telah berjaya dinikmati oleh nelayan-nelayan Pantai.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):

Tuan Yang di-Pertua, (a) pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Kerajaan Malaysia sedar di atas kedudukan kemiskinan kaum nelayan dan petani di negara ini. Maka Kementerian saya telah menggubal beberapa strategi penting di bawah Dasar Pertanian Negara demi untuk meningkatkan pendapatan dan kebajikan para petani dan nelayan. Strategi tersebut melibatkan penyusunan semula struktur ekonomi di sektor perikanan supaya tidak hanya tertumpu kepada aktiviti penangkapan ikan semata-mata. Bidang aktiviti ekonomi yang boleh disertai oleh kaum nelayan akan diperluaskan merangkumi penangkapan ikan laut dalam, perusahaan ternakair (akuakultra) dan aktiviti perkhidmatan serta perusahaan berlandaskan perikanan. Di samping itu para nelayan juga digalakkan untuk memasuki sektor lain di dalam ekonomi seperti sektor pertanian, perladangan dan perniagaan.

Di sektor pertanian pula langkah-langkah mempertingkatkan mutu dan daya pengeluaran dari ladang akan diberikan perhatian. Untuk tujuan tersebut usaha-usaha penyelidikan dan teknik pengurusan di peringkat pengeluaran akan dipertingkatkan dengan memberi keutamaan kepada kegiatan pertanian secara berkelompok.

(b) Kaedah moden dalam penangkapan ikan telah terbukti berjaya menambahkan pengeluaran

ikan negara. Namun demikian, ia juga jika tidak diawasi, mungkin menjejaskan sumber ikan di masa hadapan terutama di kawasan perairan pantai. Maka, langkah-langkah kawalan perlindungan sumber telah dipertingkatkan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh mereka yang menggunakan alat penangkapan tertentu. Ini untuk menjamin supaya sumber ikan khususnya di perairan pantai tidak terjejas dengan itu tidak memberi kesan yang negatif kepada pendapatan nelayan pantai. Di samping langkah di atas, untuk membantu kaum nelayan, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah penting bagi memperkayakan sumber perikanan yang sedia ada seperti mengadakan tukun-tukun tiruan bagi pembiakan ikan di satu-satu kawasan yang sesuai, mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk perusahaan ternakair (cage culture) yang telah diusahakan oleh kaum nelayan dan menyediakan bantuan pinjaman untuk nelayan yang ingin menjalankan perusahaan tersebut.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa nelayan-nelayan akan juga digalakkan untuk memasuki dalam bidang industri dan pertanian yakni yang lain daripada penangkapan ikan.

Saya ingat Kementerian sedar bahawa sekarang ini masih ramai nelayan-nelayan terdiri daripada nelayan-nelayan pantai

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak Kerajaan memperbaiki sistem pemasaran hasil tangkapan daripada nelayan-nelayan pantai yang menjadi sebahagian besar daripada nelayan-nelayan kerana kita

tahu masalah pemasaran adalah merupakan masalah utama nelayan-nelayan pantai dan orang tengah masih lagi memainkan peranan yang penting.

Yang kedua, bagaimanakah Kementerian memperbaiki keadaan nelayan sekarang ini sekiranya nelayan itu juga adalah merupakan sebagai seorang petani kerana begitu ramai, nelayan juga dalam masa yang sama adalah petani.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian dan Kerajaan memang berusaha dengan sedaya upaya untuk menolong para nelayan-nelayan pantai ini. Oleh kerana hal yang demikian, Kerajaan telah menubuhkan FAMA untuk menolong mereka supaya mereka tidak menjadi mangsa orang-orang tengah sebagaimana yang telah pun dilaporkan oleh pihak Yang Berhormat tadi. Tetapi walaupun begitu, kita tidak dapat membereskan keadaan ini 100% sekaligus begitu tetapi kita sedang bertindak untuk mencari jalan yang lebih baik lagi supaya menolong pihak nelayan pantai ini dan juga sebagaimana yang telah pun dipersoalkan oleh Yang Berhormat itu mengenai masalah nelayan, ia juga nelayan dan ia juga petani, pihak kita sekarang telah membuat penelitian sebagaimana saya telah jelaskan dalam jawapan tadi, kalau dia seorang nelayan dan dia juga petani jikalau misalnya dia lebih baik jalannya mencari nafkah hidup secara nelayan, kita membantu dia dalam bidang itu dan jikalau misalnya dia kurang berjaya dalam bidang nelayan bahkan dia ada peluang (chance) yang lebih baik untuk menjadi petani yang maju, kita akan memberi pertimbangan dan pertolongan kepada dia dalam bidang pertanian.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dengar apa yang disarankan oleh Timbalan

Menteri Pertanian berhubung dengan masalah dasar Kementerian beliau berhubung dengan masalah petani dan nelayan-nelayan ini, memang baik sekali. Tetapi apa yang menjadi masalah sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kalangan petani kita bekerja kuat tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ramai pula di antara Pegawai-pegawai Pertanian misalnya sebab dalam kawasan saya selalu menjemput, kurang sambutan daripada pegawai-pegawai ini untuk pergi berjumpa dengan petani-petani. Cuma yang kita ada yang banyak berjumpa dengan petani-petani yang mahu bekerjasama ialah daripada Jabatan Parit dan Taliair tetapi Bahagian Pertanian ini kurang sekali. Cuma petani-petani terpaksa pergi

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini hendak menerangkan sedikit dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, bukan penerangan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian ini supaya menyuruh ataupun menggalakkan Pegawai-pegawai Pertanian ini supaya pergi ke sawah ataupun ke ladang-ladang kaum-kaum tani ini.

Yang kedua, masalah nelayan. Tadi kita sudah dengar Wakil dari Parit Buntar mempersoalkan masalah nelayan terutama nelayan-nelayan pantai, nelayan-nelayan kecil, mereka inilah yang menjadi mangsa taukeh-taukeh besa ini. Jadi, kita lihat apakah satu langkah daripada pihak Kementerian ini supaya mengatasi nelayan-nelayan kecil ini. Kita sedar ada persatuan-persatuan nelayan ataupun koperasi-koperasi nelayan tetapi koperasi-koperasi ini kata orang: hidup segan mati tidak mahu.

Jadi, adakah cadangan Kementerian hendak memperbanyakkan pegawai-pegawai yang benar-benar berdedikasi, mahu menolong nelayan-nelayan kecil ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Kementerian hendak memperbanyakkan pegawai-pegawai yang berdedikasi hendak menolong nelayan-nelayan kecil ini.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ada dua soalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, saya berasa kesal terhadap sikap pegawai yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu di dalam kawasan pilihanrayanya oleh kerana ia tidak dapat menguasai (influence) para petani di kawasan yang dijaga olehnya, saya akan meneliti perkara ini. Mungkin oleh kerana di sana mungkin ramai para petani bahkan kekurangan kakitangan yang bertanggungjawab, mungkin itu satu masalah.

Dan juga jawapan kepada pertanyaan yang kedua tadi bagaimana menolong para nelayan kecil tadi dan juga beliau telah menyatakan syarikat nelayan ini tidak begitu maju tetapi bukan dikatakan semua para nelayan yang begitu mundur sebagaimana yang telah pun dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat tadi bahkan kebanyakan tempat co-operative nelayan di negara kita dianggap maju juga dan ada juga yang kurang mahu tetapi very unfortunate, dengan izin, yang ada di kawasan Yang Berhormat itu kurang maju, kita akan mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini dan meneliti apakah sebab-sebab yang sebenarnya bahawa co-operative nelayan di situ begitu mundur sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat.

KEMUDAHAN PERKHIDMATAN PELAJARAN

3. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri untuk:

- (a) menggariskan langkah-langkah konkrit yang diambil untuk menyelesaikan dalam masa hidup kita perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang tidak memadai pada masa sekarang; misalnya; 2 sesi dalam sekolah sungguhpun dengan 50 orang murid sebuah kelas; kekosongan-kekosongan universiti yang terhad yang tidak sanggup menampung penuntut-penuntut yang berkelayakan; penjagaan kesihatan ibu yang tidak cukup di hospital bagi ibu-ibu hamil dengan pemeriksaan kali pertama saja dalam tujuh bulan hamil dan sungguhpun begitu masih ramai lagi berbaris-baris di yunit "parental" untuk kependudukan kini seramai kira-kira 14 juta agar akan dapat menyediakan bagi 70 juta orang yang dijangka datang dalam tempoh 115 tahun;
- (b) sama ada lanjutan perkhidmatan dan kemudahan ini dapat dicapai dengan pragmatiknya semasa waktu kemelesetan ekonomi ini apabila belanjawan pembangunan sedang dikurangkan dalam masa yang sama, pihak Kerajaan sedang mempergiatkan tambahan kadar kelahiran ini; dan
- (c) bilakah Jawatankuasa "ad-hoc" yang ditubuhkan untuk mengkaji dasar kependudukan 70 juta mengeluarkan kajiannya kepada orang awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan

Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha mengikut kemampuannya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelajaran dan kesihatan yang sempurna bagi masyarakat Malaysia. Di peringkat pelajaran rendah dan menengah, Kerajaan telah pun menerima perakuan-perakuan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran dan antara lain telah memperakukan pembinaan lebih banyak bilik darjah yang bertujuan untuk mengurangkan saiz kelas dan mengurangkan sekolah dua sesi di samping menampung pertambahan bilangan murid. Oleh kerana kedudukan kewangan Kerajaan yang ketat maka perakuan-perakuan dalam laporan tersebut akan dilaksanakan mengikut keutamaan.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk meluaskan lagi peluang untuk penuntut-penuntut Malaysia memasuki universiti tempatan. Selain daripada universiti-universiti yang sedia ada Kerajaan sedang membina kampus tetap yang baharu Universiti Teknologi Malaysia di Sekudai, Johor, menubuhkan kampus sementara Universiti Utara Malaysia di Kedah, kampus-kampus cawangan UKM Sabah dan UPM di Bintulu, Sarawak Universiti Islam Antarabangsa. Walau bagaimanapun, dengan keadaan kewangan yang saya sebutkan tadi pembinaan kampus-kampus tetap adalah juga mengikut peringkat dan keutamaan.

Mengenai rawatan kesihatan bagi ibu-ibu yang mengandung pula, adalah didapati bahawa kemudahan rawatan tersebut terdapat di klinik-klinik desa, pusat-pusat kesihatan, poliklinik, hospital daerah dan hospital besar di seluruh negara. Mengikut nisbah kemudahan kesihatan kepada penduduk amnya, adalah didapati laporan kemudahan tersebut adalah

mencukupi untuk menampung keperluan pemeriksaan dan rawatan kesihatan untuk ibu mengandung.

Masalah kesesakan wujud terutama sekali di kawasan-kawasan bandar apabila ibu-ibu mengandung lebih suka mendapat pemeriksaan dan rawatan di hospital-hospital sedangkan mereka boleh juga membuat pemeriksaan di poliklinik-poliklinik atau klinik-klinik yang menyediakan perkhidmatan bagi ibu-ibu mengandung di sekitar kawasan bandar. Kerajaan sedar betapa perlunya kemudahan pelajaran dan kesihatan ditambah dan diperluaskan lagi untuk menampung peningkatan jumlah penduduk Malaysia dan akan mewujudkan kemudahan-kemudahan pelajaran dan kesihatan tersebut mengikut keutamaan dan kedudukan kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Jawatankuasa *ad-hoc* iaitu ke arah 70 juta penduduk telah pun diluluskan oleh Kabinet dan sekarang ini dalam proses percetakan. Laporan ini akan dikeluarkan untuk orang ramai sebaik sahaja selesai dicetak iaitu dijangka pada pertengahan bulan November 1984.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar, bahawa masalah pekhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang tidak memadai bukan sahaja berpunca daripada masalah kewangan tetapi juga kemerosotan mutu perkhidmatan kecekapan perkhidmatan dan telah dibayangkan baharu-baharu ini oleh sungutan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bahawa ceknya juga bounced. Apakah tindakan akan diambil supaya meninggikan mutu dan produktiviti daya pengeluaran supaya perkhidmatan-perkhidmatan rakyat lebih memuaskan hati.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat dari Kota Melaka mengambil peluang hendak menyebut fasal cek itu, jadi dia bertanya dalam kaedah yang lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa juga berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan oleh anggota Kerajaan dengan adanya beberapa pendekatan yang telah kita umumkan, seperti untuk meninggikan daya pengeluaran, peraturan-peraturan yang kita buat umpamanya kepimpinan melalui teladan, etika-etika dalam rangka Pandang ke Timur, kita cuba meninjau Etika-etika yang boleh dicontohi oleh pegawai-pegawai kita. Jadi, dalam hal ini oleh kerana melalui pengalaman, melalui pendedahan yang lebih luas saya percaya anggota-anggota Kerajaan khususnya kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti yang disebutkan ini akan dapat dipertingkatkan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa Laporan Jawatankuasa Kabinet bahawa perakuan-perakuan yang telah dibuat dilaksanakan beransur-ansur mengikut keadaan kewangan negara. Ingin saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapa peratus daripada 173 perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang dikeluarkan kalau tidak silap saya dalam tahun 1976 atau 1978 yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebenarnya ukuran pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet itu dari segi pelaksanaannya kita tidak ukur daripada peratusan, oleh kerana umpamanya itu satu-satu perakuan melibatkan tindakan pelaksanaan yang besar dari segi kewangan dan dari segi projek-projek yang dikaitkan

dengan perakuan. Tetapi bolehlah saya katakan di sini lebih daripada separuh perakuan-perakuan kalau hendak mengikut daripada angka itu sudah pun dilaksanakan ataupun sedang dalam proses dilaksanakan.

PENYIMPANAN SISA RADIOAKTIF—KAJIAN

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa sewaktu lawatan 3 orang pakar asing ke Papan baru-baru ini:

- (a) orang ramai tidak dibenarkan menemui mereka; dan
- (b) sama ada sebarang laporan telah dikemukakan oleh mereka kepada Kerajaan dan jika ya supaya menyatakan butir-butir laporan tersebut.

Dato Mohamed bin Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan pakar-pakar dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) ke tapak penyimpanan sisa radioaktif di Papan tempoh hari, wakil-wakil dari Papan, Pusing, Seputeh anti-Radioaktif Dump Committee, dengan izin, telah dengan bebas menemui pakar-pakar tersebut. Wakil-wakil ini telah pun mengemukakan pendapat mereka kepada pakar-pakar tersebut juga mengemukakan bahan-bahan bertulis untuk kajian dan pertimbangan mereka selanjutnya. Dengan itu pendapat semua pihak iaitu Kerajaan dan syarikat yang berkenaan serta orang awam adalah diambil kira dalam kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar tersebut. Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 9hb Oktober 1984 dalam satu soalan yang sama, Kerajaan masih menunggu laporan rasmi daripada IAEA berhubung dengan kajian yang dijalankan itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin

bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar pihak Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji masalah berkenaan Papan ini dan pada minggu yang lalu Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah menyatakan semua laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa itu telah dihantar untuk ditapis. Saya ingin bertanya, kalau laporan yang dikemukakan oleh pakar-pakar asing ini dikemukakan kepada Kerajaan Pusat, adakah laporan ini akan ditapis seperti yang dimaksudkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan Negeri Perak telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan.

Maksud tapisan laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal itu ialah dengan cara dirujuk kepada Jabatan yang berkaitan dengan masalah ini untuk mendapat pandangan dan segala pandangan-pandangan ini akan dikumpulkan dan dijadikan bahan pertimbangan termasuk untuk Jabatan Perdana Menteri sendiri.

INSURANS KE ATAS PENUMPANG TEKSI

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah benar bahawa penumpang-penumpang yang menaiki teksi-teksi Bandaraya tidak diliputi dengan insurans sekiranya teksi-teksi ini berjalan di luar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, jika ya, apakah tindakan yang Kementerian akan ambil supaya penumpang-penumpang diliputi dengan insurans apabila menaiki teksi-teksi ini. Setakat ini

apakah kemajuan yang dicapai dalam perbincangan dengan syarikat-syarikat insurans.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam dalam mengeluarkan lesen teksi, hanya menetapkan pengkalan atau kawasan di mana sesebuah teksi itu dibenarkan beroperasi tetapi tidak termasuk syarat berkaitan dengan insurans.

Seksyen 79 Ordinan Lalu-lintas Jalan, 1958 telah jelas menyatakan bahawa syarikat-syarikat insurans tidak boleh menghadkan perlindungan insurans berdasarkan kawasan operasi sesebuah teksi. Oleh itu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sepatutnya tidak berbangkit.

PEMBANGUNAN PERTANIAN DI SARAWAK

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kajian-kajian yang telah dijalankan untuk menentukan masalah kurang pembangunan pertanian (agricultural under development) di Sarawak;
- (b) apakah cadangan Kerajaan untuk mengadakan pembangunan pertanian secara besar-besaran di Sarawak supaya dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki pengeluaran dan pemasaran produk-produk pertanian di Sarawak.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kajian tertentu dijalankan untuk menentukan

masalah kurang pembangunan pertanian di Sarawak pada sesuatu masa. Walau bagaimanapun, kajian-kajian telah dan sedang dijalankan di beberapa kawasan seperti Kajian Kemungkinan Sungai Samarahan, Lembah Limbang, Saribas di daerah Kalaka dan kawasan Miri/Bintulu.

Untuk mengadakan pembangunan pertanian secara besar-besaran di Sarawak, Kerajaan Negeri akan menekankan bersepadu (integrated approach) ke arah pembangunan pertanian seperti melalui Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Dengan pendekatan ini, agensi-agensi Kerajaan tertentu akan bertindak bersama dalam mengadakan segala kemudahan dan perkhidmatan mereka kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Ini bertujuan supaya semua komponen projek dapat berfungsi dan bergerak secara berseragam dan saling membantu bagi mencapai matlamat pembangunan.

Langkah-langkah yang disebutkan tadi juga bertujuan untuk memperbaiki pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian di negeri Sarawak.

Tuan Justine Anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah prioriti-prioriti yang diberi oleh Kerajaan untuk mengadakan rancangan pertanian besar-besaran, adakah kemiskinan di sesuatu kawasan yang diambil kira, dan jikalau ada, mengapakan kawasan yang mundur seperti kawasan di Ulu Rajang yang mempunyai tanah yang besar, tidak mempunyai rancangan pertanian?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu tahu apakah ertinya cogankata Kerajaan Malaysia terhadap rancangan besar-besaran pertanian ini, saya minta dia datang ke pejabat saya kerana panjang kalau saya menghuraikan di sini.

Yang Berhormat sendiri sedia maklum keadaan di Ulu Rajang itu belum tentu lagi kerana di situ juga ada hydro projek dan kita mengambil masa yang lebih sesuai untuk menempatkan para penduduk-penduduk yang bertaburan di situ dan tentu sekali Kerajaan Negeri Sarawak akan mengambil tindakan yang sebaik-baiknya untuk menempatkan mereka itu dan membuka rancangan pertanian yang begitu besar sebagaimana yang akan diketahui oleh Ahli Yang Berhormat.

DAKYAH REVOLUSI

7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan sering sangat berlaku dalam negara kita tentang tangkapan-tangkapan terhadap guru-guru yang mengajar ilmu sesat, apakah pandangan Kerajaan tentang adanya setengah-setengah golongan yang menyebarkan dakyah revolusi sesebuah negara lain yang boleh mengelirukan fahaman-fahaman rakyat kita; adakah itu suatu yang boleh dianggapkan termasuk dalam ertikata mengajar ilmu sesat yang boleh meruntuhkan perpaduan rakyat; maka apakah langkah-langkah supaya rakyat Malaysia sentiasa tetap pendirian, dan untuk mengatasi dari berleluasa perkara-perkara yang tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan sentiasa mengawasi individu-individu tertentu yang menyebarkan fahaman revolusi dari negara asing yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Walaupun kegiatan tersebut berbeza dari ajaran ilmu sesat, namun demikian jika terbukti sebarang kegiatan yang dilakukan oleh

mana-mana individu atau golongan yang didapati menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara, Kerajaan tidaklah teragak-agak untuk mengambil tindakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, revolusi ini diadakan hasil daripada latihan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin, terutama daripada pemimpin-pemimpin Pembangkang yang menerima latihan daripada negara Iran. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini dan apakah tindakan setakat ini diambil terhadap mereka yang terlibat dengan mendapat latihan di negeri luar seperti itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah menjawab, memang Kerajaan sedar dan mengkaji perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Jika bukti-bukti dan penyiasatan yang dijalankan terbukti, tindakan yang tegas akan diambil sepertimana Kerajaan telah pun mengambil tindakan yang tegas baru-baru ini menahan seorang ahli peniaga yang ada berkaitan dengan dakwah-dakwah revolusi di negara luar yang menghasut umat Islam di negara ini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan sekiranya ada berlaku kejejasan keselamatan dalam negeri dan sebagainya, akan diambil tindakan dengan tidak ragu-ragu lagi. Ingin saya bertanya, sukatan ataupun paras manakah yang dikatakan kejejasan keselamatan dalam negeri itu, nanti perangkah, berbunuh-bunuhan berlaku

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta definasikah? Susah sedikit kalau hendak jawab kalau definasi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sebab kejejasan keselamatan dalam negara, jadi apakah yang dimaksudkan keselamatan dalam negara itu, nanti berperang dahulukah, atau nanti berbunuh dahulukah? Itu yang saya hendak tahu sebab kalau sekiranya timbul pergaduhan dalam negeri, perselisihan dalam negeri, menjadi perkauman dalam negeri, itu tidakkah dinamakan kejejasan keselamatan dalam negara atau bagaimana? Itu yang saya hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab soalan itu atau tidak?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, jika aktiviti seseorang itu jika dibiarkan akan menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam dan seterusnya menjejaskan ketenteraman awam, kita akan mengambil tindakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu tanya sama ada satu tarikh ditetapkan mengenai pembentangan Kertas Putih mengenai kegiatan ajaran sesat, dan kalau tarikh belum ditetapkan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada pembentangan Kertas Putih itu yang dijanjikan akan dibuat sebelum atau selepas perbahasan UMNO dan PAS pada 11hb November ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu Kertas Putih yang baru disiapkan akan dibentangkan dalam mesyuarat ini juga.

PETRONAS—KEUNTUNGAN

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah hasil keuntungan lepas cukai yang diperolehi oleh PETRONAS dari petroleum dan gas bagi tahun 1983. Daripada hasil dan keuntungan PETRONAS itu berapa banyak pula yang diperolehi oleh Kerajaan daripada cukai pendapatan royalti dan lain cukai eksais ke atas barang-barang petroleum tahun tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil yang diperolehi oleh PETRONAS bagi tahun Kewangan berakhir 31hb March, 1984 ialah \$8,427 juta dan jumlah keuntungan lepas cukai pula ialah \$2,916 juta. Jumlah cukai pendapatan petroleum yang dibayar oleh PETRONAS pada tahun 1983 ialah \$1,677 juta, royalti berjumlah \$491 juta di mana \$480 juta ialah royalti ke atas petroleum dan \$11 juta pula ialah royalti ke atas gas.

Berhubung dengan duti eksais ke atas barang-barang petroleum, jumlah yang dikutip ialah \$436 juta tetapi kesemuanya ini adalah dari syarikat-syarikat penapis minyak.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengatakan bahawa royalti bagi tahun 1983 ialah \$491 juta. Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah terdapat perbezaan kekurangan royalti bagi tahun 1984 bagi anggaran yang telah disemak sebanyak \$90 juta sedangkan Menteri-menteri menjawab bahawa pengeluaran minyak adalah bertambah tiap-tiap tahun.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, yang bertambah ialah dari segi volume tetapi royalti dikutip dari segi jualan. Seperti yang kita tahu

harga minyak sekarang ini telah berkurangan dan kalau tidak silap saya, baru-baru ini OPEC telah meletakkan harga minyak sebanyak \$29 setong. Dahulunya sampai \$34-\$35 setong.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sebagaimana yang kita maklum bahawa minyak ini terdapat di negeri Terengganu, di Sabah dan di Sarawak. Jadi daripada hasil yang kita dapati ini berapa peratus atau berapa banyak yang disumbangkan kepada negeri-negeri tersebut?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang mempunyai minyak seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak ini mendapat, kalau tidak silap saya, dalam lingkungan 5% dari hasil minyak mengikut satu formula yang mana telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Jumlah bagi tiap-tiap satu Negeri saya tidak begitu pasti, Tuan Yang di-Pertua.

DEFISIT PERDAGANGAN MALAYSIA—JEPUN

9. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil yang diperolehi dalam diskusi pertama antara Malaysia dengan Negeri Jepun bulan lalu, bagaimanakah Kerajaan bercadang memperbaiki keadaan defisit perniagaan Malaysia dengan Jepun kerana mengikut kiraan, defisit ini akan bertambah kepada 594 juta ringgit dalam tahun 1984.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang

banyak mengadakan diskusi ataupun perbincangan dengan Kerajaan Jepun, khususnya berkaitan dengan soal-soal hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara. Ini termasuklah juga "colloquium" Jepun-Malaysia yang diadakan pada bulan Ogos yang lalu. Usaha seumpama ini akan terus dijalankan supaya hubungan perdagangan antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan, di samping memperbaiki imbalan perdagangan yang mana pada masa ini merugikan Malaysia.

Berhubung dengan langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki keadaan defisit di dalam imbalan perdagangan antara Malaysia dan Jepun, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah dan akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Menggalakkan eksport keluaran Malaysia terutamanya barang-barang perkilangan. Kegiatan galakan eksport ini akan dijalankan melalui pejabat perdagangan Malaysia dan Jepun serta penghantaran misi perdagangan. Di sini harus disedari bahawa kejayaan usaha-usaha Kerajaan ini adalah tertakluk kepada sambutan dan kerjasama daripada pengilang Malaysia. Saya ingin menyeru kepada pengilang Malaysia supaya berusaha mengeluarkan barangan yang bermutu sesuai dengan kehendak pasaran Jepun.
- (2) Memperkenal dan menggalakkan eksport secara "counter trade". Amalan ini telah dan akan terus diperkenalkan kepada syarikat-syarikat Jepun yang berjaya mendapat tender menjalankan projek-projek pembangunan di Malaysia.

- (3) Menimbang untuk mendapatkan bekalan negara dari punca-punca lain yang cekap mengeluarkan barang-barang yang dikehendaki.

Saya yakin bahawa melalui usaha-usaha ini dan persefahaman dari pihak Jepun, dalam jangka panjang, kedudukan perhubungan perdagangan yang tidak seimbang dengan Jepun sekarang akan dapat diperbaiki.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerianya tetap mengikut dasar "Pandang ke Timur" dengan langkah-langkah yang diambil itu dan nampaknya langkah-langkah yang diambil itu tidak mengambil kira defisit pembayaran tidak ketara. Dengan ini saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah untuk memperbaiki kekurangan pembayaran tidak ketara itu?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebutkan bahawa langkah-langkah akan diambil untuk menghadapi masalah defisit, kita mengambil kira defisit dalam segiimbangan pembayaran. Dalam konteks ini pengertian defisitimbangan pembayaran ialah termasukimbangan pembayaran dari segi barang-barang tidak ketara (invisible). Langkah-langkah sedang pun diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dengan menubuhkan beberapa Jawatankuasa dan juga Badan Petugas untuk meneliti dengan secara lanjut apakah tindakan-tindakan dan dasar-dasar yang patut digubal untuk mengatasi masalah invisible ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah benar pengusaha-pengusaha ataupun kontraktor-kontraktor yang datang daripada Jepun yang melaksanakan pembangunan dalam negara kita ini

tidak mahu membeli barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang di dalam negara kita seperti simen, besi dan sebagainya, kerana saya mendapat tahu barang-barang ini diimport dari negara Jepun? Sekiranya benar, apakah langkah Kementerian ini untuk perkara ini tidak berlaku?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang ada bukti-bukti yang jelas terdapat beberapa syarikat-syarikat asing termasuk juga syarikat Jepun, yang telah pun ditawarkan tender ataupun kontrak oleh pihak Kerajaan untuk melaksanakan projek pembangunan, lebih memilih untuk mengimport dan membeli barangan daripada negara mereka daripada menggunakan barangan yang telah pun disediakan dalam negara kita. Sikap ini adalah amat mendukacitakan dan sebab itu kita telah pun menggubal satu dasar dan peraturan baru sekarang ini di mana kita menentukan mana-mana syarikat yang telah pun diberi tawaran hendaklah menggunakan seberapa yang boleh barang-barang yang ada dikeluarkan dalam negara kita.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah barang-barang utama yang diimport dari negara Jepun ke negara kita dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan import barang-barang tersebut? Soalan kedua, dalam perbincangan-perbincangan dengan negara Jepun adakah pada dasarnya pemborong gergasi Jepun ini menerima konsep "counter trade" tadi?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Barang-barang yang diimport daripada negara Jepun termasuklah barang-barang machinery, jentera-jentera berat dan juga kenderaan-kenderaan selain daripada barang-barang berbentuk manufactured

electrical goods. Dari segi ini tindakan memang diambil supaya kita seberapa bolehnya mengurangkan pengimportan barang-barang itu dengan mengadakan dasar penggantian import iaitu menggalakkan industri tempatan menggunakan ataupun mengeluarkan barang-barang yang selama ini diimport daripada luar negeri.

Kedua, mengenai apakah response daripada syarikat-syarikat gergasi Jepun dari segi tindakan itu, langkah ini hanya baru sekarang sedang diambil oleh pihak Kerajaan dan kita ingin memerhatikan selepas dasar ini ditegaskan sama ada ia akan respond secara baik di atas cadangan yang kita buat itu.

SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

10. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi menanamkan semangat kebangsaan dan cintakan tanah air di sekolah-sekolah.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah mengarahkan supaya sekolah-sekolah mengadakan upacara-upacara menyanyi lagu Kebangsaan, lagu-lagu patriotik yang lain seperti lagu "Malaysia Berjaya" dan langkah-langkah ini juga termasuk mengadakan upacara membaca ikrar Rukunegara dan menaikkan bendera. Juga pengajaran mata pelajaran Sejarah dan Civic umpamanya adalah bertujuan bagi mencapai hasrat ini.

Kementerian saya pada waktu ini sedang merangka satu mata pelajaran baru iaitu mata pelajaran Kewarganegaraan yang bertujuan untuk memupuk semangat kebangsaan dan cintakan negara. Ini

adalah di antara cara-cara yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran untuk menyemaikan semangat cintakan negara di kalangan pelajar-pelajar kita.

Sebagaimana yang saya biasa sebutkan dalam Dewan ini dahulu ialah tidak ada satu cara yang dalam pelaksanaannya boleh menjamin 100% pencapaian matlamat untuk menanamkan semangat cintakan negara, semangat kebangsaan di kalangan pelajar-pelajar. Dan langkah-langkah yang diambil itu adalah langkah-langkah yang difikirkan boleh mencapai matlamat ini di sekolah dan di samping itu juga Kerajaan ada langkah-langkah lain yang saya percaya adalah melibatkan juga pelaksanaannya dalam Kementerian Pelajaran.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu sebab yang menjadikan kesetiaan kepada negara ini agak berkurang adalah kerana guru-guru terlalu mementingkan pelajaran, tidak pendidikan. Kerana itu

Timbalan Yang di-Pertua: Itu hujah, Yang Berhormat, bukan soalan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Soalnya, adakah Kerajaan sedar hal ini berlaku dan apakah Kerajaan bercadang untuk membaiki sikap guru-guru di mana kedua-duanya; pendidikan dan pelajaran adalah sama penting. Sekarang ini Kementerian Pelajaran nampaknya pentingkan pelajaran menyebabkan guru-guru terpaksa mementingkan pelajaran kerana peperiksaan itu memberi suatu gambaran di mana guru-guru itu baik jikalau kelulusan di sekolah itu baik.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang menyusun semula curriculum untuk sekolah-sekolah kita dengan tujuan supaya content pelajaran itu dapat diimbangi dengan content pendidikan dalam erti kata content curriculum itu dapat diimbangi dengan content co-curriculum. Kita mengharapkan supaya dengan adanya kegiatan-kegiatan co-curriculum maka pelajar-pelajar akan dapat memperolehi apa yang boleh saya katakan social skill ertinya kemahiran sosial, satu kemahiran yang saya fikir akan dapat ataupun akan membolehkan pelajar-pelajar itu berfungsi dalam masyarakat sebagai individu yang baik, yang berguna kepada masyarakat dan yang taat setia kepada negara. Dan aspek curriculum itu ialah untuk memberikan kemahiran-kemahiran belajar (learning skill) supaya dengan kemahiran itu ia akan dapat terus menimba ilmu pengetahuan walaupun nanti telah lulus atau telah keluar dari sekolah setelah mendapat kelulusan.

Jadi, inilah dua aspek yang dipentingkan, iaitu memastikan pelajar-pelajar kita mencapai kemahiran belajar (learning skill) dan kemahiran sosial ataupun untuk fungsi mereka dalam masyarakat dan seiring dengan tindakan mengubah ataupun tindakan mengulang kaji (review) curriculum bagi sekolah kita itu maka latihan perguruan (teacher training) juga adalah diperbaiki untuk memastikan guru-guru yang mendapat latihan di maktab-maktab perguruan nanti akan dapat melaksanakan curriculum yang saya maksudkan itu.

MENARIK BALIK SOALAN No. 11

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye telah

menarik balik soalan No. 11 memandangkan jawapan telah pun diberi beberapa hari yang lalu.

PROJEK SOSIAL/ PEMBANGUNAN ORANG ASLI

12. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah projek-projek sosial dan pembangunan yang telah dilaksanakan dalam tempoh 1982-1984 untuk memberi faedah kepada penduduk-penduduk Orang Asli yang mendiami di Tanjung Rambutan dan Gopeng di dalam Kawasan Kinta khususnya dan di seluruh Semenanjung Malaysia amnya; sejauh manakah projek-projek ini telah meninggikan taraf dan mutu kehidupan masyarakat Orang Asli itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tahun 1982 hingga 1984 projek-projek sosial dan pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan kepada penduduk-penduduk Orang Asli di dalam Kawasan Kinta adalah seperti berikut:

- (1) Projek pembangunan tanah yang melibatkan penanaman pokok getah, kelapa sawit, dusun kelapa dan projek-projek kecil bumi hijau di mana keluasan keseluruhannya ialah seluas 151 hektar.
- (2) Projek ternakan yang melibatkan pemberian secara pawah dan terus kepada Orang Asli iaitu ternakan lembu dan ayam.
- (3) Projek sosial di mana pihak Kerajaan telah menyediakan sebuah klinik perubatan, sebuah surau dan pemberian secara terus 13 buah rumah jenis "Melati" kepada Orang-orang Asli tempatan.

Seterusnya, pihak Kerajaan telah mengadakan bekalan api elektrik seperti di Kampung Sungai Badok dan di Ulu Kinta. Sementara itu pula Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$17,035,000.00 dalam Rancangan Malaysia keempat bagi memajukan dan mempertingkatkan pembangunan sosio-ekonomi Orang-orang Asli di Semenanjung.

Setakat ini Kerajaan amat berpuas hati dalam usaha bagi mempertingkatkan taraf pembangunan sosio-ekonomi serta mewujudkan integrasi nasional di kalangan Orang-orang Asli. Sebagai bukti kini telah terdapat sedaran di kalangan Orang-orang Asli untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah dan terus ke pusat pengajian tinggi.

Di bidang kesihatan pula, Orang-orang asli telah tahu menggunakan perkhidmatan kesihatan moden yang disediakan oleh Kerajaan. Sementara itu pula Orang-orang Asli telah mengusahakan tanaman berbentuk ekonomi melalui projek-projek pembangunan tanah dan ternakan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Oleh itu bolehlah dikatakan 90% daripada Orang-orang Asli di Semenanjung tidak lagi mengamalkan kehidupan bercorak tanam secara berpindah randah dan ini merupakan satu kejayaan kepada Orang-orang Asli khasnya dan Kerajaan amnya.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Specialist Orang Asli. (*Ketawa*)

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, Orang-orang asli mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri (*Ketawa*) dengan projek-projek dan pemberian-

pemberian Kerajaan kepada mereka. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa rumah jenis "Melati" ini diberikan cuma beberapa buah sahaja dalam sesebuah kampung Orang-orang Asli. Kalau dapat adakah Timbalan Menteri Dalam Negeri bercadang untuk memberi tambahan rumah-rumah jenis "Melati" ini kepada kampung-kampung mereka dari satu masa ke satu masa hingga mereka dapat menikmati keseluruhan keluarga mereka di tempat-tempat kediaman Orang Asli itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu menjadi hasrat Kementerian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah projek-projek ternakan dan pembangunan itu diuruskan dan berapakah diswastakan; dan adakah Kementerian sedar bahawa terdapatnya eksploitasi di setengah-setengah projek yang tersebut dan jika sedar apakah langkah yang diambil.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan, di dalam peringkat sekarang ini masalah menswastakan projek-projek di rancangan tempat Orang Asli tidak timbul oleh kerana Kerajaan masih lagi dalam peringkat memberi kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi dan seterusnya kepada mereka dan Kerajaan berpendapat bahawa Kerajaan patut menyelenggarakan semua projek-projek itu sendiri.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa pembangunan yang hakiki ialah pembangunan rohani dan jasmani. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa ramai dari kalangan Orang Asli ini yang telah

memeluk agama Islama. Setakat ini apakah langkah-langkah positif yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan kefahaman dan keimanan mereka terhadap Allah s.w.t.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar bahawa begitu banyak Orang-orang Asli yang memeluk agama Islam jikalau dibandingkan dengan angka keseluruhannya. Jadi, pihak Kementerian sedang berusaha untuk mewujudkan satu jawatankuasa yang khas bagi mengkaji masalah ini.

TRADE MARK—PROSES MENDAFTARKAN

13. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab berlaku kelewatan yang panjang sangat dalam perkara mendaftarkan "trademark", jumlah permohonan mendaftarkan "trademark" yang diterima setakat ini, jumlah didaftarkan dan jumlah yang masih menunggu pendaftaran.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa proses mendaftarkan sesuatu Cap Dagangan memang mengambil masa yang panjang. Purata sesuatu pemerosesan permohonan memakan masa selama setahun. Kelewatan ini adalah disebabkan prosedur mendaftarkan sesuatu Cap Dagangan yang digunakan oleh Pejabat Cap Dagangan masih bersifat "manual".

Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menggunakan sistem komputer supaya dapat dipercepatkan pemerosesan dan pendaftaran permohonan-permohonan Cap Dagangan. Sistem komputer ini akan dapat digunakan sepenuhnya pada awal tahun hadapan. Adalah dijangkakan bahawa dengan

kerja-kerja carian rasmi dikomputerkan, proses mendaftarkan permohonan Cap Dagangan akan dapat dipercepatkan.

Di samping itu juga, ada beberapa sebab lain yang melambatkan pemerosesan permohonan-permohonan yang dibuat, di antaranya ialah bangkangan yang dibuat terhadap fail-fail yang telah diiklankan. Penyelesaian terhadap cap-cap yang dibangkang mengambil masa bertahun-tahun selalunya.

Kedua, bantahan-bantahan yang dikeluarkan terhadap cap yang serupa dengan cap yang telah didaftarkan, juga penyelesaian mengambil masa yang lama.

Ketiga, tiada jawapan dari pemohon kepada surat-surat pertanyaan penjelasan yang diminta terhadap cap-cap yang difail tidak lengkap atau tidak mengikut syarat.

Keempat, permohonan-permohonan pemohon-pemohon bertukar alamat tanpa memberitahu pejabat dan ini menyebabkan surat-surat yang dikirimkan tidak diterima pada pemohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menerima sejumlah 75,343 permohonan untuk mendaftarkan cap dagangan di seluruh Malaysia bagi tempoh berakhir 1983. Dari jumlah permohonan tersebut, 22,906 permohonan (30.4%) telah didaftarkan, manakala 6,283 permohonan (8.3%) telah ditolak. Walau bagaimanapun, dari jumlah permohonan yang sedang dipertimbangkan, sejumlah 21,064 permohonan (28%) telah diproses dan akan dikeluarkan Sijil sebaik sahaja permohonan-permohonan tersebut diiklankan dan bayaran fee diterima. Baki permohonan yang masih lagi dalam proses carian rasmi ialah sebanyak 25,090 (33.3%).

SUNGAI YANG CETEK— PROJEK MENDALAMKAN

14. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) oleh sebab sebahagian faktor berlakunya banjir kerana dasar sungai yang cetek akibat terlalu banyak berlaku hakisan disebabkan penebangan kayu-kayan (balak) yang banyak, oleh itu adakah Kerajaan bercadang—
- (i) melaksanakan rancangan mendalamkan dasar sungai yang cetek;
 - (ii) mengawal penerokaan dan penebangan kayu-kayan; dan
- (b) adakah Kerajaan telah membuat kajian mengenai kerugian akibat banjir bagi tujuan perbandingan dengan perbelanjaan yang akan dibelanjakan untuk tujuan mengelak banjir.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kerajaan telah pun dan sedang melaksanakan projek-projek untuk mendalamkan sungai-sungai yang cetek bagi tujuan pengawalan dan pengurangan banjir. Walau bagaimanapun, memandang kepada banyaknya kerja-kerja pemeliharaan sungai yang perlu dijalankan, program seumpama ini hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan negara dan kehendak semasa.

Sememangnya menjadi tujuan Kerajaan untuk mengawal hakisan yang berlaku disebabkan oleh penebangan kayu-kayan yang banyak dan juga aktiviti-aktiviti pembangunan tanah yang lain sebagaimana yang terbukti dengan adanya beberapa undang-undang di peringkat

Persekutuan dan Negeri yang bertujuan untuk mengawal hakisan. Undang-undang yang berkenaan ialah seperti, dengan izin, "Water Enactment", "Mining Enactment", "Forest Enactment", "Land Conservation Act", "Local Government Act" dan "Environmental Quality Act".

Di bawah undang-undang yang disenaraikan itu, peruntukan ialah dibuat untuk menyekat serta mengawal aktiviti-aktiviti yang mungkin akan menyebabkan berlakunya hakisan dan enapan sungai.

Di bawah Kajian Sumber-sumber Air Negara, satu tinjauan telah juga dibuat di atas kerosakan yang berlaku akibat banjir. Mengikut tinjauan tersebut purata jumlah kerosakan atau kerugian tahunan akibat banjir ialah sebanyak \$103 juta.

Mengikut Kajian Sumber-sumber Air Negara juga, sebagai langkah-langkah untuk mengawal banjir ke tahap yang wajar, peruntukan sejumlah \$2,550 juta perlu dibelanjakan di dalam jangka masa 15 tahun.

BUKU KHUTBAH JUMAAT

15. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menyediakan buku khutbah Jumaat yang lengkap setahun pada setiap tahun untuk diberi percuma kepada imam dan khatib di seluruh Malaysia dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama negeri masing-masing dan sekiranya ada, maka bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan dan sekiranya tidak, kenapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Bahagian Agama Jabatan Perdana

Menteri telah menerbitkan 4 jilid kumpulan-kumpulan khutbah sepanjang tahun dan telah menyampaikan kepada Jabatan-jabatan Agama Islam di negeri-negeri untuk diberi kepada imam-imam dan khatib-khatib di seluruh Malaysia. Usaha ini sedang dan akan dijalankan dengan tujuan untuk menyelaraskan khutbah-khutbah Jumaat di seluruh Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 adalah diberi di bawah ini).

OFF BUDGET AGENCIES— MENGAWASI

16. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rancangan-rancangan beliau mempunyai untuk mengawasi dan menyelia "Off-Budget Agencies" yang telah menanggung hutang Luar Negeri yang sangat besar yang berjumlah kira-kira 12 billion ringgit dan mengapakah agensi-agensi tersebut dinggap "Off-Budget Agencies" padahal Kerajaanlah yang menjamin pinjaman-pinjaman dan hutang-hutang mereka.

Dato Sabbaruddin Chik: Perkara mengenai OBA ini telah pun disentuh di dalam Ucapan Belanjawan pada 19hb Oktober, 1984.

Agensi-agensi "Off Budget" (OBA) adalah terdiri daripada badan-badan berkanun dan juga syarikat-syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang utama, di mana sebahagian besar daripada keperluan kewangan mereka dibiayai oleh punca-punca luar daripada peruntukan belanjawan pembangunan Kerajaan Persekutuan, itu melalui pinjaman langsung dalam dan luar negeri yang lazimnya dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Kelulusan

projek-projek pula adalah di luar daripada proses belanjawan biasa dan seterusnya tidak secara langsung termasuk di bawah pengawalan dan pengawasan Kerajaan.

Pada masa ini, agensi-agensi ini adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kementerian masing-masing yang berkaitan. Bagaimanapun, oleh kerana agensi-agensi ini telah bertambah dan aktiviti mereka telah berkembang dengan pesat pada akhir-akhir ini, Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih teliti terhadap agensi-agensi berkenaan. Kerajaan akan mengawas dan meneliti perbelanjaan mereka sama seperti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan untuk mengujudkan suatu jentera pentadbiran dalam meluluskan perbelanjaan pembangunan agensi-agensi OBA serta mengawasi jumlah perbelanjaan mereka supaya selarasan dengan kedudukan kewangan negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb November, 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan

yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (1hb November, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-pertua: Yang Berhormat Ahli dari Sibu seperti yang dimaklumkan semalam Yang Berhormat diberi 5 minit lebih kurang untuk menggulung ucapan Yang Berhormat. Sila teruskan.

4.06 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya minta 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: 10 minit tidak apalah.

Tuan Ling Sie Ming: Terima Kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyambung ucapan saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan hanya 62% peruntukan pembangunan bagi Semenanjung yang bermakna bahawa bagi setiap seringgat yang diperuntukkan bagi Semenanjung Malaysia Sarawak menerima 62 sen iaitu suatu perbezaan

38%. Inilah sebabnya mengapa rakyat berasa bahawa pembangunan negeri Sarawak adalah 20 tahun ke belakang dari pembangunan Semenanjung Malaysia. Jadi, saya mendesak Kerajaan membetulkan ketidakseimbangan pembangunan nasional untuk menggalakkan negeri Sarawak menjadi negeri jajahan Kerajaan Persekutuan dan memupuk sikap "give and take," dengan izin, bukan "take and no give", dengan izin.

Sarawak adalah sebuah negeri miskin yang jauh ketinggalan dalam pembangunan negara wujud keperluan mendesak bagi peningkatan mutu jalan-jalan, saliran, perhubungan, hospital dan pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sarawak mempunyai aspirasi-aspirasi yang sama dengan rakyat Semenanjung Malaysia. Kami juga ingin menikmati faedah-faedah ekonomi yang sama di bawah matahari Malaysia.

Saya mendesak Kerajaan memberikan perhatian yang lebih kepada pembangunan negeri Sarawak dengan memperuntukkan lebih banyak kewangan untuk pembangunan. Seperti yang sedia maklum, menurut Ketua Menteri Sarawak, lebih setengah daripada penduduk negeri Sarawak berada di bawah garisan kemiskinan. Jika Kerajaan ingin membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, Kerajaan patut membasmi perbezaan-perbezaan kaum dan kawasan pada awalnya, jika tidak, usaha-usaha Kerajaan akan gagal.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penambahan pengeksporan sumber-sumber asli untuk memulihkan keadaan imbang bayaran tidaklah merupakan suatu langkah yang wajar lebih-lebih lagi, kita adalah kekurangan modal kepakaran teknikal dan pekerja-pekerja yang mahir yang

menyebabkan eksploitasi minyak di negara ini dibolot oleh orang-orang asing.

Sumber-sumber asli kita adalah terhad. Pelaburan akan meningkatkan pendapatan negara serta mewujudkan pekerjaan-pekerjaan buat sementara waktu, tetapi sumber-sumber ini lama-kelamaan akan habis juga. maka pelaburan di dalam sumber-sumber alam semula jadi semata-mata tidak akan mengatasi masalah imbalan pembayaran. Misalnya, di dalam Belanjawan 1985 Kerajaan bertujuan meningkatkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 2.3% supaya mencapai angka sasaran pengeluaran harian sebanyak 450,000 tong, akan tetapi baru-baru ini negara-negara pengeluar minyak telah mengutarakan rancangan untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 15% untuk menstabilkan harga-harga minyak. Memandangkan hakikat ini, adakah kita masih hendak meneruskan rancangan bagi pengeluaran minyak berlebihan untuk menemui permintaan yang kita bertambah di pasaran dunia ataupun adakah pengeluaran yang berlebihan akan meneruskan harga minyak seterusnya, oleh kerana itu membahayakan rancangan kita untuk memulihkan imbalan bayaran?

Pelaburan di dalam sumber-sumber semula jadi mestilah menokok-tambahkan pembangunan industri. Misalnya, walaupun kita mengeluarkan 440,000 tong minyak mentah setiap hari, lojo-loji penapis minyak PETRONAS di Kerteh hanya dapat membersihkan 27,000 tong minyak sehari sahaja. Loji-loji tempatan Shell serta Esso dapat menapis 78,000 tong dan ini bermakna sejumlah 105,000 tong minyak mentah sahaja dapat ditapis secara tempatan, ini tidak dapat menampung permintaan tempatan. Jadi, setiap tahun kita mengimport banyak hasil-hasil minyak bertapis untuk memenuhi

keperluan nasional. Dalam tahun 1984, cukai import ke atas minyak sahaja berjumlah \$315.3 juta dan dalam tahun 1985 pula ialah dianggarkan \$362 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya mesti menekankan bahawa perbezaan-perbezaan perkauman dan kawasan adalah penghalang kepada perpaduan dan kemajuan negara. Sekali lagi saya berharap bahawa Kerajaan akan membasmi ketidak seimbangan ini dan membenarkan orang Negeri Sarawak merasakan keindahan negeri Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya lihat ada masa mungkin mencukupi bagi kesemua daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berucap pada hari ini kalau sama-sama dengan secara sukarela mengagih-agihkan masa. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.16 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya turut serta membahaskan Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober yang lalu. Kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan beliau buat kali pertama membentangkan Belanjawan Negara dengan begitu baik dan bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya seperti juga rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang mana kesemuanya memberi kepujian yang begitu tinggi sekali di atas Anggaran Belanjawan 1985 yang mana satu Belanjawan yang sangat realistik dan

mempunyai penuh tanggungjawab serta mempunyai nilai-nilai yang begitu menasabah dan bertanggungjawab. Kerajaan yang dipimpin oleh 2M sentiasa memandang berat di atas kedudukan rakyat jelata dari semua golongan yang kaya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mana ada Kerajaan dipimpin oleh 2M?

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Mahathir dan Musa, sentiasa memandang berat di atas kedudukan rakyat jelata dari semua golongan yang kaya, sederhana dan mereka yang kurang bernasib baik, terutama sekali pribumi-pribumi di luar bandar dan di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1985 adalah selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara dan lain-lain dasar yang telah dipersetujui oleh semua pihak untuk dilaksanakan di negara kita yang dicintai ini. Tuduhan dari pihak Pembangkang mengatakan Belanjawan yang kita sedang bahas ini adalah untuk golongan orang kaya, ini adalah satu tuduhan yang tidak adil, melulu dan tak boleh diterima sama sekali oleh rakyat jelata sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia rasa bertuah kerana mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan mempunyai sifat-sifat yang istimewa yang mana dapat menjalankan tugas dengan baik, bertanggungjawab, yang mana dapat mengkaji dan meneliti hakikat yang sebenar di atas satu-satu masalah dan rancangan bagi memajukan rakyat jelata dan membina negara, sama ada di dalam mahupun di peringkat antarabangsa. Cita-cita Kerajaan untuk membawa rakyat bahagia di dunia dan akhirat akan tercapai, insya Allah. Sifat berhati-hati dan tidak

tergopoh oleh Kerajaan dalam satu-satu isu dan sederhana dalam tindakan akan membawa lebih kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah kerana dengan usaha gigih Kerajaan kedudukan kewangan negara bertambah baik. Pada keseluruhannya, kebanyakan sektor ekonomi dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik dari tahun-tahun yang lalu. Sektor-sektor pertanian, perlombongan, perkilangan dan perkhidmatan dijangka memberi dorongan kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun ini. Pemulihan ekonomi dunia juga mempunyai kesan yang baik ke atas eksport barangan Malaysia. Keadaan ini juga membolehkan akaun dagangan mencatatkan lebihan yang besar. Pengeluaran sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan dijangka meningkat sebanyak 3.7% pada tahun ini setelah mengalami kemerosotan sebanyak 2.4% pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan Anggaran Belanjawan tahun ini kerana mempunyai serampang 3 mata:

- (1) mengukuhkan imbalan pembayaran;
- (2) mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam di dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan; dan
- (3) mengekalkan pertumbuhan sektor awam.

Saya percaya, dengan pelaksanaan strategi baru ini yang lebih berkesan, ekonomi negara kita akan semakin kukuh dan kewangan semakin stabil.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan berharap apa-apa yang dicadangkan dan dirangka oleh Kerajaan di dalam perkara peningkatan keadaan

ekonomi yang menjamin pembangunan rakyat akan bertambah dan keselamatan negara terkawal. Oleh itu diharap sebarang perbelanjaan Kerajaan adalah memberi manfaat dan akan tidak dimembazirkan walaupun satu sen. Kepada pegawai-pegawai Kerajaan di semua bahagian dan peringkat hendaklah menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berminat, jujur dan berkesan mengikut ethika kerja Islam yang baru dilancar dan mengikut cogan kata Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan dan membangkitkan beberapa masalah di Dewan yang mulia ini. Dalam sektor ekonomi sebanyak \$1,044 juta telah disediakan untuk kemudahan-kemudahan awam termasuk \$608 juta untuk bekalan air dan \$436 juta untuk bekalan elektrik. Saya berharap Kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan ini semoga seluruh rakyat jelata dapat menikmati kemudahan air dan api. Keutamaan hendaklah diberi kepada kawasan-kawasan pendalaman dan semua kawasan luar bandar kerana Malaysia telah merdeka 27 tahun, rakyat masih belum lagi mendapat kedua-dua kemudahan asas ini terutama sekali seperti kawasan Baling di mana terdapat banyak lagi kampung-kampung yang tidak mendapat kemudahan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjimatkan penggunaan minyak sebanyak \$180 juta telah diuntukkan bagi projek-projek hidro. Saya berharap dalam melaksanakan projek hidro dan mini hidro Kerajaan hendaklah mengawasi dan mengawal dengan rapi sama ada disegi rangka bentuk dan site tempat dibina projek tersebut. Di kawasan saya iaitu projek mini hidro di Iboi Kupang yang mana didapati gagal menyudahkan dalam masa yang ditentukan dan saya

percaya Kerajaan akan menanggung kerugian kerana tapak mini hidro tersebut dibina di kawasan batu yang boleh menimpa bangunan tersebut dan juga musim banjir didapati tenggelam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup korum.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar! Peraturan Tertib Mesyuarat telah dibangkitkan dan Setiausaha, sila kira.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! 14 Ahli yang hadir, tidak cukup bilang. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 30 Ahli hadir.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah cukup bilang. Yang Berhormat Ahli dari Baling, sila teruskan.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di bidang perubatan saya setuju dan menyokong penuh di atas saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Sungai Petani yang meminta supaya doktor pakar ditambah dan ditempatkan di Hospital Sungai Petani supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik di kawasan Kedah Tengah, Sungai Petani, Baling dan Sik. Cadangan menambah Pegawai Perubatan, membina sebuah poliklinik dan membina wad tiga tingkat di Hospital Baling hendaklah dibuat segera kerana keperluan dan janji Kementerian Kesihatan telah lama.

Untuk maklumat, Tuan Yang di-Pertua, Baling sekarang mempunyai 106,000 orang tidak termasuk

penduduk dari Ulu Perak, Keroh dan Kelian Intan yang mana sejumlah 20,000 orang membuat rawatan di Hospital Baling.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,190 juta diuntukkan bagi projek-projek dan program-program membasmikan kemiskinan supaya hasrat Kerajaan dan kehendak rakyat mengusahakan tanah-tanah yang sedia ada dan memulihkan kawasan terbiar di Kedah, duaagensi telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan sedang memainkan peranan yang penting bagi mempertingkatkan sektor pertanian dan mengadakan industri kecil iaitu KEDA dan IDP yang mana saya berharap apa-apa peruntukan yang dipohon oleh dua agensi tersebut pihak Kerajaan tidak teragak-agak meluluskannya. Pembukaan tanah baru juga diharap dapat dibuat di kawasan sempadan Thai/Kedah dan Perak bagi memenuhi keperluan rakyat yang dahaga tanah. Rancangan FELDA hendaklah diadakan di kawasan ini di samping mengurangkan pendedahan terhadap anasir jahat dapat rakyat memiliki tanah dan untuk mereka yang berminat dalam bidang penanaman getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Dewan yang mulia ini saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menolak keluar kawasan hutan simpanan seluas lebih kurang 200 ekar iaitu di compartment Hutan Simpanan Gunong Inas bagi membolehkan penduduk kampung di tepi kawasan tersebut memiliki tanah yang telah diusahakan bagi tujuan dusun kerana mereka telah mengusahakan tanah tersebut selama enam tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya peruntukan sebanyak \$106 juta untuk tanaman semula getah tidak mencukupi, memandangkan kepada permintaan dan sambutan baik oleh pekebun-pekebun kecil yang terdiri dari keluarga sebanyak 2.5 juta orang yang menjadi hard core kepada negara

kita. Cadangan Kementerian Pertanian untuk mempertingkatkan tanaman kelapa sawit adalah dialu-alukan supaya pekebun kecil mendapat nikmat yang lebih daripada usaha mereka. Oleh itu saya berseru kepada seluruh pekebun kecil hendaklah menyahut seruan Kerajaan dengan bekerja lebih rajin serta berdisiplin dan bekerjasama dengan erat terhadap pegawai-pegawai Kerajaan mengikut bidang yang mereka ceburi. Sifat malas, bertanggung dalam sesuatu kerja, membuang masa di jalan-jalan raya dan di kedai-kedai kopi hendaklah ditinggal dan diketepikan.

Dalam bidang meningkatkan para pekebun kecil saya berpendapat bahawa pembahagian syer seperti dirancangan oleh Kerajaan di antara peneroka-peneroka FELDA khasnya adalah satu langkah yang baik, patut dapat sokongan oleh semua pihak. Pada pandangan saya konsep ini hendaklah dihebahkan oleh mass-media supaya dapat difahami dengan jelas oleh pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, yang membimbangkan, konsep ini mungkin mendapat tentangan dari setengah-setengah Ketua-ketua Agama di negara ini yang menganggap bahawa pembahagian tanah secara faraid adalah paling baik dengan tidak mengambil kira bahawa dengan pembahagian tanah secara fizikal masing-masing akan berkesudahan dengan tanah yang saiznya tidak berekonomi. Jadi, saya berpendapat terhadap Ketua-ketua Agama ini hendaklah diberi kursus dan penjelasan yang khusus terlebih dahulu mengenai sistem syer ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang penyelidikan dan pemasaran saya berpendapat masanya sudah sampai supaya semua aktiviti penyelidikan dan pemasaran yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perladangan yang

dipunyai oleh PNB atau di bawah naungan PNB di satu atau diselenggarakan. Ini bukan sahaja akan menjimatkan kos pentadbiran tetapi juga akan memastikan efektifnya apa juga strategi pengeluar-pengeluar di pasaran dunia. Juga langkah penyelarasan ini akan dapat mengatasi soal persaingan dan pertindihan kerja yang merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua berharap bahawa Dasar Pertanian Negara akan terlaksana. Dalam hubungan ini Bank Pertanian telah diberi tugas besar dan berat dari segi pembiayaan projek-projek pertanian. Satu daripada jalan untuk menolong Bank Pertanian pada hemat saya dengan memberi kebenaran kepadanya dengan mengadakan kemudahan akaun semasa. Dengan adanya akaun-akaun semasa yang dibuka di bank tersebut maka bolehlah pihak bank tersebut menggunakan wang-wang yang tersimpan di dalam akaun-akaun tersebut dengan tidak payah membayar kosnya. Lantaran itu bolehlah Bank Pertanian melipatgandakan tugasnya atau khidmat yang lebih bagi kepentingan dan manfaat pekebun-pekebun kecil dan para petani sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tetap yakin dan percaya bahawa dasar politik tidak lengkap dan sempurna sekiranya rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi iaitu keupayaan untuk mengatasi kemiskinan. Kerajaan mempunyai timbang rasa untuk memberi peluang semua rakyat mendapat nikmat dan mengatasi masalah kemiskinan adalah dipuji, dengan mendapat kesenangan bukan sahaja seorang hidup dengan mewah dan berdisiplin bahkan dapat membuat ibadat dengan lebih khusus dan tawaduk yang mana ini adalah impian tiap-tiap seorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan supaya

dapat mengkaji semula kedudukan kilang-kilang MARDEC yang telah ditubuhkan di negara kita ini. Bolehlah dikatakan semua yang menjalankan perkhidmatan kilang tersebut dan operasinya dari hasil pekebun-pekebun kecil dan juga kilang tersebut didirikan kebanyakkan di kawasan luar bandar yang mana disifatkan kilang hak kepunyaan pekebun kecil. Seperti termaklum buat masa sekarang kilang tersebut di bawah pentadbiran Kementerian Perusahaan Utama. Bagi menyelaras dan memesatkan perjalanan kilang tersebut, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengubah pentadbiran kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah yang mana RISDA di bawah pentadbirannya supaya sejajar dengan perkembangan pekebun kecil masa kini yang mana bukan sahaja mereka menanam getah dan mengeluarkan getah keping dan cair bahkan mereka juga dapat memproses bahan keluaran mereka sendiri yang lebih menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang program pengangkutan peruntukan sebanyak \$953 juta adalah disediakan termasuk pembinaan jalan, jambatan, penerbangan awam dan pelabuhan. Dalam usaha membina jalan-jalan dan lebuh raya baru, Kementerian Kerjaraya hendaklah meneliti, mengkaji dan melaksanakan dengan penuh tanggungjawab supaya manakala pembinaan jalan atau lebuh raya siap dibina bukan sahaja dapat dilalui dengan senang bahkan kemudahan yang sedia ada dapat diusahakan dan tidak mengakibatkan tanah terbiar lantaran keputusan air dan kekeringan berlaku. Oleh itu saya mencadangkan penyelarasan hendaklah dibuat di antara pihak lebuh raya, JKR dan JPT daripada awal satu-satu projek itu dimulakan. Kita tidak boleh menafikan bahawa dengan pembinaan jalan-jalan baru dahulu yang tidak diselenggarakan di kawasan luar bandar khususnya

kawasan sawah dan kampung telah mengakibatkan banyak tanah-tanah tidak dapat diusahakan dan tinggal terbiar kesan dari terputusnya taliair yang tidak diguna semula oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menarik pelaburan luar dan melahirkan industri kecil di luar bandar dan juga bagi menyekat penghijrahan belia-belia ke bandar, saya berharap Kerajaan dapat menyediakan tapak-tapak tersebut di tiap-tiap daerah di luar bandar serta memesatkan kemudahan asas di kawasan tersebut selain daripada kelonggaran syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian umpamanya kawasan Baling yang mana belum lagi ada kawasan yang dimaksudkan oleh Kerajaan. Dengan itu pertumbuhan lapangan industri sama ada kecil atau besar belum lagi ternampak dan kalau ada pun satu atau dua sahaja, itupun selalu mendapat bantahan dan tentangan dari pihak-pihak tertentu. Saya berharap bagi mana-mana daerah yang belum ada kawasan industri maka hendaklah pihak pengawal alam sekitar memberi kelonggaran mengikut keadaan kawasan yang hendak didirikan kilang. Begitu juga dengan syarat-syarat yang lain seperti ubah-syarat tanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian di dalam bidang kemudahan pengangkutan dan diharap pihak Kementerian Perusahaan Awam dapat mencadangkan bagi mengadakan pengkalan perkhidmatan bas ekspres antara Baling dan Kuala Lumpur kerana permintaan perkhidmatan tersebut sangat menggalakkan. Diharap manakala jalan yang disebut di atas dibuka untuk permohonan maka hendaklah diutamakan kepada permohonan syarikat bumiputera tempatan yang berpengalaman dalam hal pengangkutan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menambahkan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya di bidang kegiatan belia di segi menambahkan ilmu pengetahuan sama ada di bidang agama dan ekonomi dengan harapan para belia sekalian akan menjadi rakyat yang lebih berguna dan berfaedah. Khususnya projek belia peladang dan projek belianiaga hendaklah diuntukkan dan ditambahkan. Di bidang sukan pula, memandangkan kepada kegiatan yang begitu baik terhadap belia-belia di luar bandar di bidang sukan, saya bercadang supaya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan peruntukan khas untuk membina padang-padang permainan di luar bandar sekurang-kurangnya dua padang permainan bagi satu mukim. Dengan itu saya menyokong penuh Anggaran Belanjawan 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

4.35 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 dan menyokong di atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat bersamaan 19hb Oktober, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya ini saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan masalah ucapan wakil daripada Jelutong pada petang semalam. Saya rasa amat kesal sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang mana wakil dari Jelutong

telah menyatakan ataupun telah menuduh bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pergi melawat keluar negeri dengan tujuan mengemis yakni membawa tempurung pengemis untuk minta sedekah daripada negeri-negeri lain.

Jadi dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut sekali wakil daripada Jelutong yang mana profesionnya sebagai seorang Peguam dan seorang yang boleh dikatakan berkualiti mengatakan Perdana Menteri pergi lawatan ke luar negeri sebagai seorang pengemis. Itulah yang saya rasa kesal sangat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rombongannya pergi keluar negeri yang mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan ke negeri Italy, tujuan lawatan Yang Amat Berhormat itu adalah untuk membawa pelaburan dan juga membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara ini, bukannya minta sedekah, gunakan akal fikiran sedikit, jangan jadi pembangkang yang.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta jalan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Hendak tanya apa lagi ini, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Saya tidak mahu beri jalan, saya hendak bercakap ini, nanti tidak mencukupi masa pula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang tidak beri jalan.

Tuan Mohamed Razlan bin haji Abdul Hamid: Saya tidak benarkan. Mereka hendak tunjuk cengil kita pun boleh tunjuk cengil. Tuan Yang di-Pertua, tetapi wakil daripada Jelutong itu lupa sebenarnya pemimpin-pemimpin DAPlah yang sebenarnya menjadi pengemis. Saya berkata begini kerana mereka inilah yang pergi melawat ke merata-rata tempat pergi sampai ke kawasan saya, pergi ke merata-rata seluruh negara ini dengan mengayuh basikal, dengan berjogging pun ada, pergi minta sedekah supaya rakyat-rakyat daripada satu-satu kaum itu menyokong mereka berhubung dengan masalah Bukit Cina. Ini namanya pengemis. Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, geram juga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berterima kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! itu baru mukaddimah?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya, itu mukaddimah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Saya berterima kasih kepada Menteri Kewangan kita yang baru, walaupun beliau itu baru sahaja memegang jawatan Menteri Kewangan tetapi apa yang kita dapati dan kita teliti daripada apa yang telah dibentangkan oleh beliau pada 19hb Oktober, 1984 itu, sungguh-sungguh kagum, sungguh-sungguh memberi manfaat kepada semua pihak, terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Dari hakikat ucapan beliau yang gigih dan berani serta bertimbang rasa, khasnya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan memberi

semangat baru dan semangat bekerja lebih kuat lagi serta memberangsangkan kepada golongan-golongan yang inginkan kemajuan, terutama di bidang peniaga khususnya peniaga-peniaga bumiputera.

Dan juga di dalam ucapan Yang Berhormat Kewangan itu memberi gambaran serta galakan dan dorongan kepada semua pihak, khasnya pihak swasta bekerja lebih gigih semoga daya pengeluaran dan penghasilan serta pendapatan mereka bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dari saranan beliau berhubung dengan masalah dasar Kerajaan hendak berjimat cermat, terutama di bidang-bidang tertentu, tujuannya bagi mengatasi masalah hutang negara dan lain-lain lagi amatlah baik sekali, terutama bagi mengatasi masalah hutang negara kita.

Kita tidak mahu berlaku seperti setengah-setengah negara yang sedang membangun dan ada juga negara yang sudah kaya raya, yang sudah maju yang masih menanggung hutang negara yang begitu ketara sekali.

Saya bagi contoh misalnya seperti negara-negara Brazil dan juga Mexico yang mana kedua buah negara itu adalah negara yang kaya tetapi negara tersebut menanggung beban hutang yang paling tinggi di dalam dunia. Kalau kita baca daripada World Economic Report, kita boleh lihat bahawa negara merekalah yang paling banyak hutang dan kita bersyukur kepada Allah, yang mana sikap pemimpin-pemimpin negara kita yang berdedikasi dan bertimbang rasa, negara kita walaupun berhutang tetapi tidaklah begitu ketara seperti setengah-tengah negara, bahkan Amerika Syarikat sendiri, sebuah negara yang terkaya masih berhutang bak kata Presiden Reagan, hutang negara Amerika Syarikat kalau dicampur daripada East to West, maknanya kalau disambung duit

hutang negara Amerika daripada Pantai Timur sampai ke Pantai Barat itu pun tak habis, duit itu begitu banyak. Jadi kita tidaklah hairan kalau negara kita berhutang. Jadi hutang itu bukanlah bererti membazir atau kita berhutang untuk kepentingan satu-satu pihak sahaja tetapi adalah untuk rakyat dan negara kita, terutama dari segi pembangunan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Menteri Kewangan kita dengan kerjasama pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan serta juga pandangan-pandangan serta nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bijak maka Budget yang telah dibentangkan baru-baru ini amatlah memuaskan kepada semua golongan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar Kerajaan Barisan Nasional iaitu dari cogan kata Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) hendaklah dipraktikkan di semua pihak, terutama di pihak ahli-ahli politik, sama ada ahli politik pihak Kerajaan ataupun Pembangkang hendaklah benar-benar jujur dan dipraktikkan. Begitu juga kakitangan Kerajaan di semua Jabatan daripada peringkat yang paling atas sehingga ke yang peringkat paling rendah hendaklah dipraktikkan agar tujuan dan matlamat dasar Kerajaan Barisan Nasional itu benar-benar dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu mendengar sungutan daripada rakyat yang benar-benar mengharapkan dasar Kerajaan kita pada hari ini diperkotak-katikkan. Kita harus sedar sama ada di peringkat atasan atau di peringkat bawahan, mahulah kita berganding bahu semoga nama baik Kerajaan dan pemerintahan negara ini tidak tercemar, bak kata orang tua-tua, disebabkan nila setitik habis rosak

susu sebelanga, ataupun seperti kata pepatah seekor kerbau membawa lumpur habis terpalit semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dengan berterus terang serta dengan hati yang ikhlas, yang bersih semoga nama baik Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara ini dihormati dan disegani, bukan setakat di negara kita sahaja bahkan di seluruh dunia. Jadi, dari sikap kita Bersih, Cekap dan Amanah itulah dapat kita menghindarkan dari gejala-gejala yang tidak diingini serta terjauh daripada malapetaka.

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong minta jalan. Adakah Ahli Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua. Harap duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Ahli Yang Berhormat itu tidak beri jalan. Sila teruskan ucapan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya minta supaya kita sebagai kakitangan Kerajaan ataupun daripada Kerajaan Barisan Nasional hendaklah menjalankan dasar Bersih, Cekap dan Amanah supaya kita dijauhi atau kita dapat menghindarkan daripada gejala yang tidak diingini serta terjauh daripada malapetaka yang terkutuk oleh Allah subhanahuwataala.

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong minta jalan juga.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Hendak minta jalan juga, okay.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Matang ada sebut Kerajaan Barisan Nasional adalah Bersih, Cekap dan Amanah. Adakah beliau sedar Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, bukan satu orang pemimpin yang beri satu teladan kepada cogan kata Barisan Nasional iaitu Bersih, Cekap dan Amanah. Oleh kerana, Tuan Speaker, dalam skandal College General di Pulau Pinang baru-baru ini Ketua Menteri itu ada buat satu kenyataan pada 25hb Mei.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): (*Bangun*)

Tuan Karpal Singh: Saya mahu beri penjelasan atas

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Ada Peraturan Mesyuarat dibangkitkan. Sila Ahli Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Apa yang Ahli Yang Berhormat itu hujah satu ucapan panjang, bukan minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya setuju.

Tuan Karpal Singh: Saya belum habis, belum lagi sampai setengah minit. Itu MIC boleh kacau, Tuan speaker, sedikit-sedikit perkara macam ini

Timbalan Yang di-Pertua: Itupun bukan penjelasan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Bila kena hentam, ular dan orang India, masa itu di mana?

Dato' K. Pathmanaban: Bodoh!

Tuan Karpal Singh: Ha, gajah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang, sila teruskan ucapan.

Tuan Karpal Singh: Satu gajah besar.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Wakil dari Jelutong apabila saya bercakap

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk sebentar. Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan Peraturan Mesyuarat.

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta di bawah Peraturan Mesyuarat 36, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang "kurang ajar" itu tarik balik apa yang dia kata, "gajah binatang", dia kata.

Tuan Karpal Singh: Bila kena hentam, gajah itu tidak berdiri tetapi bila perkara kecil-kecil, dia mahu jaga Dr Lim Chong Eu sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga sila duduk. Ahli Yang Berhormat dari Matang, sila duduk sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya telah memperkatakan bahawa saya memandang berat terhadap tugas saya menelihara kemuliaan Dewan ini. Oleh kerana saya memandangkan sesuatu publisiti yang akan menjadi ekoran daripada setiap penggunaan Peraturan Mesyuarat 44, maka saya sebolehnya tidak mahu menggunakan Peraturan Mesyuarat 44. Akan tetapi sekiranya perlu bagi memelihara ketenteraman Dewan yang mulia ini, akan saya gunakan Peraturan Mesyuarat tersebut, tetapi fahamilah bahawa rakyat akan lihat seorang Wakil Rakyat dikenakan hukuman di

bawah Peraturan Mesyuarat 44 setelah berkali-kali diingatkan tentang komitmen saya tak mahu menggunakan Peraturan Mesyuarat 44, memandangkan setiap penggunaan Peraturan Mesyuarat 44 itu akan membawa kepada publisiti yang tidak boleh tidak mesti sedikit-sebanyak menjejaskan kemuliaan Dewan ini dari pandangan masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Matang, sila teruskan ucapan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Peraturan Mesyuarat dibangkitkan, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri Kesihatan ada cakap, ada guna perkataan

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Tuan Karpal Singh: Kurang ajar. Bolehkah saya dapat satu ruling, "kurang ajar", parliamentary boleh digunakan dalam Dewan ini, itu juga. Tuan Speaker, saya mahu ruling. Jika boleh kami pun mahu guna pada masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Saya hendak

Dato' K. Pathmanaban: Tidak boleh dipanggil kepada Ahli Yang Berhormat, "gajah", binatang dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Satu permintaan, satu kali. Tidak boleh terhimpun satu, dua, tiga kali. Selepas ruling barulah permintaan yang kedua

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kerjasama.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah meminta keputusan saya. Berkenaan dengan apa yang dikatakannya penggunaan perkataan "kurang ajar" dalam ucapan dalam Dewan ini. Saya memerlukan masa untuk memeriksa sama ada perkataan itu telah diucapkan.

Tuan Karpal Singh: Ada, Tuan Speaker. Semua orang ada dengar Timbalan Menteri tentu bukan mahu nafi beliau ada buat kenyataan itu tadi. Jikalau mahu nafi, nafi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam keadaan gamat tadi saya sendiri tidak mendengarnya.

Tuan Karpal Singh: Jikalau mahu nafi, boleh nafi. Boleh dapat keputusan terus, tidak payah check *Hansard*, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat! Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menggunakan perkataan-perkataan itu?

Tuan Karpal Singh: Perkataan "kurang ajar".

Dato' K. Pathmanaban: Ada. Saya juga selepas keputusan itu

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mahu ruling. Selepas itu Yang Berhormat bolehlah

Dato' K. Pathmanaban: Apa, orang cakap point or order.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu ruling. Tuan Speaker sudah

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Selepas cakap, Tuan Speaker boleh buat ruling. Bukan mahu dengar hujah-hujah Timbalan Menteri.

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 44.

Timbalan Yang di-Pertua: Biarkan saya membuat ruling di atas tertib Mesyuarat yang dibangkitkan dahulu, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan saya telah diminta sama ada perkataan-perkataan "kurang ajar" adalah unparliamentary ataupun bertentangan dengan Tertib Mesyuarat. Keputusan saya ialah perkataan-perkataan ini ialah bertentangan dan saya mengarahkan supaya dikeluarkan daripada Peringatan Mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, kita minta Timbalan Menteri tarik balik perkataan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Perkaranya bukan dikeluarkan daripada proceedings tetapi ditarik balik oleh Ahli Yang Berhormat yang buat perkataan itu. Bukan di expunge. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Peraturan Mesyuarat mengizinkan saya supaya memerintah seseorang Ahli? Peraturan Mesyuarat yang mana itu, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, convention Parliament semenjak tahun 1959 dan kita pun 25 tahun dalam Parlimen dan di mana-mana Komanwel Parlimen apa perkataan unparliamentary, kalau sudah diputuskan, patut ditarik balik. Saya tidak mendengar, melihat bahawa term unparliamentary di expunge. Kalau ada, saya pun mahu tahu daripada apa Peraturan Mesyuarat di mana memberi kuasa kepada Yang di-Pertua untuk expunge apa yang dikatakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya memangnya tidak ada kebebanan untuk tarik balik tetapi apa, yang saya suka mengatakan bahawa saya pun juga on a point of order tadi, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bukan sahaja pada kali ini tetapi beberapa kali sudah ada menunjuk mahu

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Perkara yang adapun belum habis. Tidak boleh berikan dia satu sebab untuk timbulkan perkara lain.

Dato' K. Pathmanaban: Saya belum habis, on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh!

Dato' K. Pathmanaban: Mana boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Perkataan "kurang ajar", tarik balik atau tidak tarik balik. Bukan Keadaan di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat perkataan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak ada, you duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, duduklah atau on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis. Saya juga telah minta point of order atas ucapan Ahli Yang Berhormat tadi. Dan beberapa kali dalam Dewan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta satu ruling sama ada apabila satu point of order, satu point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Point of order berapa?

Tuan Lim Kit Siang: ialah apabila point of order untuk minta satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat berapa, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Karpal Singh: Point of order 36 (4).

Timbalan Yang di-Pertua: 36(4)? Ya.

Tuan Karpal Singh: 'Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadab'. Jikalau Tuan speaker ada buat ruling tadi kenyataan 'kurang ajar', tidak parliamentary oleh kerana itu bahawa Peraturan Mesyuarat 36 (4) ini perlu Tuan Speaker mengarahkan Timbalan Menteri untuk tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat

Dato' K. Pathmanaban: Saya sendiri rela, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: Tanpa syarat, tanpa syarat, duduk. Point of order belum habis, tidak mahu beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Point of order 36(4), Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak beri jalan. Saya belum habis lagi. Sit down, sit down?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di bawah Peraturan 44.

Tuan Karpal Singh: 36(4), saya belum habis. Saya tidak beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan (2) bahawa Yang Berhormat itu dikeluarkan.

Tuan Lim Kit Siang:Ahli Yang Berhormat boleh cadang apa-apa. Perkara 'kurang ajar' belum habis. Tidak boleh cadang apa-apa. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua: Mana boleh.

Tuan Karpal Singh: Duduk, duduk! Saya beri jalan jikalau kepada Ketua Pembangkang, tidak orang lain. Tuan Speaker, saya belum habis lagi, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat, sila duduk! Jangan menyulitkan keadaan lagi.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, point of order belum

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk!

Tuan Karpal Singh: Ini gajah besar mahu berdiri, berdiri. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu pun bahasa unparliamentary.

Tuan Karpal Singh: Selepas ini, Tuan Speaker, buat satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, saya buat ruling. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila tarik balik perkataan "kurang ajar". Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Sama-sama berdiri, berdirilah, berdiri!

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik perkataan 'gajah besar'!

Tuan Karpal Singh: Di sana dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Di sana dahulu, Tuan speaker. Tarik baik dahulu.

Dato' K. Pathmanaban: Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak ada desakan orang lain rela tarik balik, melainkan Ahli Yang Berhormat ini sudah beberapa kali menggunakan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia buat ucapan, bukan tarik balik. Tidak boleh terima. Semacam Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh rela minta maaf. Bukan minta maaf. Bukan boleh buat satu alasan untuk buat ucapan. Tarik balik dahulu tanpa syarat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pohon perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap telatah-telatah Ahli-ahli Yang Berhormat di antara kita ini. Saya pohon kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sementara kita lihat telatah-telatah mereka ini (*Ketawa*).

Sila duduk ahli Yang Berhormat! Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah membuat keputusan bahawa perkataan-perkataan itu adalah unparliamentary. Jadi, saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik perkataan-perkataan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Karpal Singh: Tetapi dia pun mesti tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Tanpa syarat, Tuan Speaker. Bukan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah tarik balik tanpa syarat. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya telah memutuskan bahawa perkataan-perkataan 'gajah

besar yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah unparliamentary. Sila tarik balik!

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana bukan gajah

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: besar. Saya tarik balik (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat dari Matang, sila teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, oleh kerana gangguan tadi, Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Mengenai peruntukan pembangunan misalnya, hendaklah benar-benar sampai hasrat ataupun matlamatnya, misalnya, peruntukan di bidang pembangunan seperti projek-projek untuk rakyat hendaklah dinilai dan diteliti tentang nilai harganya dengan betul. Rakyat pada masa ini dapat menilai walaupun orang kampung hari ini pandai menilai harga ataupun kos satu-satu projek yang dibuat oleh Kerajaan. Saya berkata ini bukanlah salah Kerajaan tetapi mungkin, saya tidak tahu apa sebabnya jadi begitu. Saya berkata ini adalah bertujuan semoga semua wang rakyat melalui projek-projek tertentu itu tidak membazir dan merugikan Kerajaan. Ada banyak projek-projek pembangunan yang kita libat dan dinilai dengan kos perbelanjaan yang amat ketara sekali. Misalnya, katalah sebuah projek ataupun sebuah bangunan sekolah, projek Kerajaan yang berharga \$1 juta. Kalau dikaji dan diteliti dengan keadaan bangunan

dan upah kontrek membuat bangunan tersebut, kalau benar-benar dikira dengan keadaan bangunan, saya rasa tidak menasabah.

Saya hairan bagaimanakah cara satu-satu jabatan yang menenderkan satu-satu projek itu dengan harga yang terlalu tinggi nilainya jika dibandingkan dengan nilai yang dibuat oleh pihak swasta. Mungkin ada satu-satu gejala dalam satu-satu jabatan. Saya tidak faham dalam masa ini. Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau saya bercakap dan menegur satu-satu jabatan itu untuk demi kebaikan kita bersama, nanti dituduh begitu dan begini. Jadi, di manakah letaknya amalan demokrasi dan cogan kata "bersih, cekap dan amanah". Ada setengah-setengah orang berkata, Tuan Yang di-Pertua, apa yang awak pedulikan sangat dalam masalah rasuahkah atau begitu-begini. Bukankah kita ini semua manusia belaka dan bukannya Malaikat. Benar kata-kata mereka itu, tetapi kita harus sedar Allah s.w.t. itu maha mengetahui di atas segala perbuatan dan segala tindak-tanduk kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas saranan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan Budget pada 19hb Oktober 1984 yang lalu yang mana beliau telah menyatakan bahawa tugas kita sekarang ialah untuk memperkukuhkan kedudukan Bank Bumiputra dan membina keyakinan orang ramai serta kalangan antarabangsa terhadap Bank Bumiputra itu; ini berhubung dengan masalah Bank Bumiputra. Dan juga saranan beliau sekiranya ada bukti-bukti yang menunjukkan adanya penyelewengan, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah dan akan menunaikan janji kepada rakyat untuk mewujudkan satu pentadbiran

“bersih, cekap dan amanah”. Jadi, saya berharap di atas kata-kata tadi supaya kita praktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu dalam sesuatu jabatan atau satu-satu agensi Kerajaan hendaklah ditentang habis-habisan. Mengenai pinjaman oleh peniaga-peniaga bumiputera dari bank-bank di negara ini ada kalanya amat menyusahkan kepada peniaga-peniaga bumiputera, terutama kepada peniaga-peniaga kecil.

Misalnya, seorang peniaga bumiputera hendak membuat pinjaman kepada sebuah bank, katalah, Bank Bumiputera sebanyak lebih kurang \$10,000. Pihak bank membuat bermacam-macam syarat untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Ini memanglah tepat mengikut undang-undang bank tetapi apa yang mendukacitakan kita semua apabila syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak bank itu disediakan oleh pihak peminjam tadi, akhirnya ada kala atau banyak di antaranya ditolak dengan alasan segala syarat-syarat tadi tidak cukup lengkap, maka niat baik peniaga kecil yang hendak membuat pinjaman dari bank tadi terbengkalai perniagaannya. Jadi, apakah sikap setengah-setengah pengurus bank itu untuk menolong kaum bumiputera.

Saya tidak faham dalam masalah ini walhal kalau dikaji, Tuan Yang di-Pertua, contoh anak syarikat Bank Bumiputra BMF ataupun lain-lain lagi yang telah memberi pinjaman kepada sesuatu pihak itu sampai beribu-beribu juta ringgit, boleh dengan satu syarikat sahaja, tetapi kalau kepada seorang bumiputera hendak buat perniagaan seolah-olah macam tidak percaya, tidak yakin kepada bangsanya sendiri. Inilah yang saya rasa musykil. Kalau kata \$350 juta

ataupun 2.5 billion diberi kepada peniaga bumiputera, diberi pinjam satu million ringgit, maka 2,500 orang bumiputera boleh buat pinjaman berniaga. Kalau lebur pun duit itu ada dalam negeri ini ataupun kalau diberi seorang peniaga \$100,000 bermakna 25,000 perniaga bumiputera boleh berniaga tetapi kepada satu syarikat sahaja senang. Inilah yang saya merasa musykil, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan kata saya. Kalau kita pergi ke kampung-kampung, rakyat kampung pada hari ini pandai menilaikan, pandai bercakap dalam masalah ini. Jadi, kita sebagai Kerajaan, saya berharap kepada Kerajaan semoga dalam masalah bank ataupun mana-mana pihak sekali pun hendaklah diletak orang yang benar-benar jujur. Kita tidak mahu ada orang-orang yang berkepentingan dalam satu-satu bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima aduan dari pihak petani-petani; ini ada satu cerita pula iaitu daripada kaum-kaum tani, bahkan sampai orang Kedah pun ada menceritakan kepada saya, saya boleh bawa orang itu. Misalnya, seorang petani hendak meminjam; bukan, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ada aduan daripada petani, ada orang-orang yang menjadi; bak kata orang sekarang conman ataupun kita kata jadi broker-broker ataupun barua-barua ini, yang memberi tanah sawah yang luas, yang lebih kurang katalah 5 atau 6 ekar dengan harga di antara \$20,000 atau pun \$30,000. Kemudian, orang ini akan bawa gran-gran sawah tadi ke tempat-tempat valuation—tempat penilaian iaitu penilaian swasta yang mana penilai-penilai swasta itu menetapkan dengan harga yang tinggi iaitu di antara \$200,000 atau \$300,000 misalnya. Kemudian orang ini akan membuat pinjaman pula di bank sebanyak mana yang hendak dipinjam, katalah \$200,000.

Kita bukan menuduh, mungkin pihak-pihak pengurus bank yang tidak bertanggungjawab ini akan menyokong permohonan pinjaman dan memberikan kelulusan. Ataupun mungkin pihak valuation ataupun pihak penilai tadi pun ada connection juga—ada hubungan juga, mungkin mereka dapat komesyen. Jadi conman yang membuat pinjaman dengan sandaran gran sawah tadi akhirnya apabila dia dapat \$200,000 misalnya disandarkan kepada bank tadi. Tiba masa sampai dalam masa setahun, dua tahun tidak dibayar langsung, dia kata peduli apa, tak usah bayar, gran sudah disandarkan kepada bank, akhirnya pihak bank hendak ambil tindakan. Dia sudah ambil gran itu. Kemudian apabila pergi tengok sawah itu, tanah sawah yang tidak ada harga. Inilah sikapnya.

Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Kerajaan menyiasat juga dalam penilai-penilai swasta ini. Sebab apa dalam keadaan sekarang ini bermacam-macam boleh berlaku. Bermacam-macam penyelewengan boleh berlaku dalam masalah ini, ada hubungan belaka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, berhubung dengan masalah Dasar Ekonomi Baru yang mana 30% matlamat Dasar Ekonomi Baru

Timbalan Yang di-Pertua: Ucapan Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Lebih kurang dalam 10 minit lagi. Berilah peluang, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana diganggu oleh pihak Pembangkang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pemborong-pemborong bumiputera matlamat kita pada tahun 1990 mencapai 30% tetapi sama ada pemborong-pemborong bumiputera dapat mencapai 30% atau tidak, kita belum tahu pada tahun 1990 kerana kita takut dasarnya atas nama dasar sahaja 30% tetapi dalam segi keuntungan ataupun ekonomi pula jatuh ke tangan bukan bumiputera.

Misalnya, katakan dalam satu syarikat usaha-sama (joint-venture), bumiputera tidak dapat kerja-kerja sub-contract mahupun sub-kerja ataupun sub-specialist; semuanya jatuh ke tangan sub-contract bukan bumiputera. 100% projek joint-venture di "sub" kepada bukan bumiputera. Selain daripada itu pemaju perumahan ataupun pemborong-pemborong gergasi bumiputera dan bukan bumiputera boleh dikatakan hanya .004% sahaja daripada 100% yang di "sub"kan kepada bumiputera, tetapi tidak dapat pekerja-pekerjanya 100% bumiputera ataupun atas namanya sahaja.

Dalam masalah buruh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berasa bangga bahawa tiap-tiap projek ada mempunyai 30% pekerja-pekerja bumiputera. Soal buruh bukan sahaja 30%, kalau Kerajaan mahu 100% ataupun 70% pun kontraktor asing sanggup mengadakannya, tetapi semuanya adalah buruh kasar yang tidak dapat apa-apa pelajaran untuk meningkatkan kemahiran mereka. Orang Melayu atau bumiputera cuma menjadi alat untuk menutup mata Kerajaan agar segala keuntungan ataupun ekonomi jatuh ke tangan orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kontraktor bumiputera untuk mencapai 30% pada tahun 1990 boleh diatasi dengan beberapa cara. Saya ingin mencadangkan kepada pihak

Kerajaan, yang pertama, pemaju-pemaju perumahan dan pemborong-pemborong gergasi daripada kalangan bumiputera atau joint-venture mesti diberi sebahagian sub-contract kepada kontraktor bumiputera melalui Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera yang sah di bidang binaan.

Mengenai specialist contractor yang mana dalam negeri kita belum dapat yang specialist bahagian electrical, bahagian plumbing, bahagian sanitary, air-condition dan sprinkler system. Jadi segala tawaran-tawaran binaan bangunan hendaklah diasingkan mengikut specialist, seperti nombor satu tawaran piling, tawaran bangunan, tawaran plumbing dan sanitary installation, tawaran electrical, tawaran sprinkler system. Apa yang terdapat sekarang hanya piling, electrical, road and drainage dan sprinkler system sahaja, tetapi plumbing dan sanitary tidak diasingkan dan pada kontrak bangunan bahawa lesen plumbing yang paling banyak dipegang oleh bumiputera di seluruh negara kita ini tetapi mereka ini tidak diberi peluang.

Pada masa ini di Malaysia sudah banyak pemborong specialist bumiputera tetapi mereka dianggap seperti kata orang, macam "Red Indians" ataupun peminta sedekah di negeranya sendiri. Pemborong specialist bahagian plumbing iaitu sanitary bumiputera telah berdaftar di Business Registration, bayarannya \$25 tiap-tiap tahun dan bayaran baru lesen plumber \$25 setahun, tetapi bagi mereka untuk mendapatkan kontrak tersebut boleh dikatakan tidak dapat menampung hidupnya. Ada pemborong terpaksa berjumpa dari satu kontraktor besar ke satu kontraktor yang lain atau pemaju untuk mendapatkan kerja. Jawapan yang mereka terima ialah: Saya ada kontraktor sendiri. Maka dengan itu

pemborong-pemborong yang malang tadi tidak ubah seperti peminta sedekah kepada pemborong asing. Ada pemborong pula terpaksa gulung tikar, ada pula terpaksa jual goreng pisang dan ada pula terpaksa makan gaji kepada orang lain pula.

Bangunan-bangunan tinggi ataupun pemaju perumahan boleh dikatakan tidak ada pemborong specialist bumiputera. Kalau bangunan pencakar langit bahagian specialist, jauh api dari panggang, sehingga bahagian kampung untuk memasang paip air pun dikuasai oleh pekerja-pekerja JKR Bahagian Air; di mana-mana negeri telah berlaku. Maka timbul pula menjual lesen dan ada pula terpaksa mengali-babakan lesen. Siapa yang harus disalahkan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, ini saya beri contoh bukan kita hendak memuji pula. Ada setengah-setengah kita ini kadang-kadang kita tidak kata negeri itu tidak baik tetapi dalam satu segi ada benda yang baik. Misalnya di negara Singapura, segala tawaran-tawaran bangunan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan, mahupun dari pihak agensi-agensi Kerajaan, hendaklah dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang tertentu dan tidak sekali gus. Dengan sistem ini semua kontraktor dapat merasa dan tidak dimonopoli oleh kontraktor bangunan. Contohnya, di Singapura ada saya terjumpa lebih kurang 4 atau 5 orang kontraktor Melayu di bidang specialist iaitu electrical, plumbing, sanitary installation dan sprinkler di mana kita harus merasa bangga dengan kebolehan kontraktor Melayu di Singapura, yang mereka itu berasal dari Malaysia yang mempunyai pentadbiran 100% Melayu ataupun bumiputera dan juga yang mempunyai 100% pekerja-pekerja anak bumiputera daripada negara kita

Malaysia, dan juga sebilangan sub-contract kerja semuanya terdiri dari anak bumiputera belaka.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan Kerajaan seperti MARA, CGC, bank, kontraktor-kontraktor Melayu dan juga sub-kontraktor bumiputera di sana, yakni di Singapura, tidak dapat keistimewaan seperti kita di Malaysia ini, tetapi mereka boleh membuat kerja-kerja yang mendapat kontrak seperti bangunan pencakar langit, hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan rumah-rumah pangsa Kerajaan tanpa bantuan daripada pihak Kerajaan. Mereka boleh dikatakan maju dan naik sehingga ada kontraktor Melayu ataupun bumiputera yang terkenal di sana.

Kalau kita pandang bahawa segala kerja-kerja mengikut undang-undang dan peraturan yang ketat, dan kita sendiri telah tahu bahawa pembangunan lebih maju dari kita dalam segi apa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor specialist bumiputera di Singapura, ada juga sub-contractor bumiputera sanggup berkhidmat di negara ini, mereka sanggup datang. Saya boleh bawa mereka itu dan kita tunjuk bawa ke sini, berapa ramai daripada pekerja-pekerja mereka itu terdiri daripada anak bumiputera kita terutama daripada negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh buat, jadi di sini mengapa kita di negara kita sendiri yang Kerajaan kita hendak menggalakkan begitu begini semua, hendak memajukan bumiputera, tetapi kadang-kadang kita tengok orang-orang kita bumiputera bekerja dalam kontrak cuma sebagai buruh sahaja tetapi dalam bahagian specialist tidak ada; inilah yang mendukacitakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian sanitary contractor di Wilayah Persekutuan, yakni di Kuala Lumpur, sanitary contractor bumiputera yang mempunyai lesen di Kuala Lumpur hanya 3 pemborong bumiputera sahaja daripada keseluruhan pemborong-pemborong tersebut. Tiga pemborong yang ada sekarang hidup segan mati tak mahu, sebab tidak ada kerja.

Mengenai kontraktor JKR, kontraktor-kontraktor bumiputera tulen telah menjadi mangsa seperti orang buruan. Ada kontraktor dibatalkan lesennya tanpa sebab ataupun sebab yang menasabah; ada yang digantung lesen oleh sebab kerja tidak siap, oleh kerana lambat mendapat progress payment ataupun disengaja merendahkan peratus ataupun progress payment ini.

Selain daripada itu mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Minta gulungan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bercakap tadi lebih kurang 15 minit, diganggu, oleh kerana ada perbahasan pula.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, saya ingat sudah cukuplah itu.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Selain daripada itu, saya mintalah diberi peluang lima minit sahaja lagi. Kerana ada sedikit lagi, iaitu masalah Budget tadi, saya nampak mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana kita sedar bahawa Kementerian ini adalah satu Kementerian yang mustahak, terutamanya kepada jenerasi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bercakap dalam Jawatankuasa perkara itu. Saya ingat

masa sudah cukup. Ada banyak lagi yang hendak bercakap.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Perhabiskan dengan ayat itu.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Jadi penghabisannya, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1985 (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

5.21 ptg.

Datuk Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya di sini suka mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan menyambut baik ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Saya percaya dengan langkah-langkah yang diambil, sektor awam akan dapat bekerja kuat untuk menambahkan lebih banyak lagi melaburkan simpanan kepada projek-projek yang berguna. Dengan yang demikian akan dapat menambahkan lagi kemajuan dalam negeri ini dan seterusnya memberi kebajikan rakyat di Malaysia.

Dengan cara ini kami adalah mengharapkan bahawa Kerajaan akan meneruskan kemajuan dan menambah lebih banyak lagi kemudahan infrastruktur yang boleh menguntungkan rakyat yang berpendapatan rendah di kampung-kampung kerana tekanan kuat dari penduduk-penduduk luar bandar terutama sekali di Sarawak dan Sabah.

Saya berharap Kerajaan akan dapat memberi galakan kepada rakyat Sarawak untuk menjalankan perusahaan pengangkutan sungai yang moden seperti hydrofoil system,

kerana rakyat di sana masih menggunakan pengangkutan di sungai-sungai. Satu lagi perusahaan yang perlu diteruskan ialah perusahaan rumah murah. Salah satu cara bagi Kerajaan mencapai matlamat, Kerajaan hendaklah menggunakan wang Tabung Haji atau sumber kewangan swasta dan wang tersebut hendaklah ditadbirkan oleh Kerajaan. Kepada pemaju-pemaju perumahan yang telah berjaya dalam tender mereka, maka Kerajaan boleh gunakan wang tersebut bagi maksud perumahan.

Disyorkan juga supaya Kerajaan membuat mendapatkan tanah yang besar di luar bandar dengan kemudahan infrastruktur. Dengan cara ini harga rumah murah barulah dapat benar-benar menolong rakyat yang berpendapatan rendah. Di samping ini juga, saya mencadangkan iaitu Kerajaan janganlah hendaknya membekukan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan. Di sebaliknya jika Kerajaan membekukan pinjaman tersebut, saya percaya mereka yang berpendapatan rendah sampai bilapun tidak akan merasa memiliki rumahnya sendiri. Oleh yang demikian, saya berharap pinjaman tersebut diteruskan dan pihak pemaju perumahan dapat meneruskan perusahaan perumahan seperti biasa.

Bagi peruntukan perumahan bumiputera pula, ada sebilangan besar yang telah tidak dibeli, oleh kerana ramai bumiputera yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan rumah-rumah yang tidak diambil, diserahkan kepada Kementerian Perumahan, di bawah kelolaan Bahagian Khas di Kementerian tersebut. Di harapkan Bahagian tersebut akan menawarkan kepada bumiputera yang layak untuk membelinya. Dengan jalan ini, skim

perumahan ini tidak akan tergendala dan pihak pemaju pula akan dapat menyiapkan rumah seperti yang dijadualkan.

Selain dari itu, adalah diharapkan pihak Kementerian Perumahan hendaklah melihat supaya jangan melambatkan kelulusan permohonan yang hendak memiliki rumah tersebut. Mengenai cukai kepada profesional-profesional, di sini suka saya mengemukakan cadangan untuk menambahkan ekonomi negara supaya mengurangkan pembayaran cukai kepada profesional atau kepada mereka yang menggunakan wangnya untuk mendapatkan kemahiran dan kelulusan yang lebih tinggi. Tindakan yang begini sedang dipraktikkan oleh negara-negara seperti Jepun dan Singapura. Negara-negara tersebut telah memberikan galakan kepada perkara ini kerana perbelanjaan yang telah digunakan untuk mendapatkan pengetahuan ini amatlah besar dan memberi erti yang cukup berguna kepada kemajuan negara.

Menggalakkan simpanan maksima. Menggalakkan simpanan maksimum kepada pengecualian cukai Kumpulan simpanan Pekerja (EPF) dan insurans, adalah lebih baik jika Kerajaan dapat menambahkan galakan ke maksima \$3,500 diberi kepada Kumpulan Simpanan Pekerja dan juga \$3,000 kepada insurans premium. Dengan cara ini adalah diharapkan lebih ramai lagi orang ramai menyumbangkan wang Kumpulan Simpanan Pekerja (EPF) dan insurans dan setelah wang tersebut terkumpul, maka wang tersebut boleh digunakan sebagai pelaburan awam.

Galakan kepada peniaga-peniaga pula, untuk mendapatkan potongan, saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan potongan khas kepada syarikat-syarikat yang kecil terutama sekali jumlah pembalikan (turn-over)

untuk setahun sebanyak \$250,000. Dengan jumlah wang tersebut, maka peniaga dapat membesarkan perniagaannya lagi oleh kerana kebanyakan mereka dalam golongan ini adalah terdiri daripada peniaga bumiputera. Maka saya mencadangkan, potongan cukai kepada syarikat-syarikat dalam golongan ini dikurangkan kepada flat-rate 20%.

Memandangkan Budget pada tahun ini, Kerajaan akan membelanjakan wang, satu angka yang agak besar untuk kemajuan pelajaran, kerana menyediakan pelajar-pelajar belajar di negeri ini dan tidak lagi bercadang hendak menghantar mereka ke luar negeri. Dengan cara ini Kerajaan akan dapat menyelamatkan wang kita mengalir ke luar negeri. Langkah ini amat baik dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan.

Didapati juga Kerajaan telah menubuhkan sebuah Universiti Utara Malaysia maka di sini saya pula suka mencadangkan supaya satu politeknik atau satu universiti teknik ditubuhkan di Malaysia Timur khasnya di negeri Sarawak.

Dengan berkat Tuhan maka setiap rakyat Malaysia hendaklah bersatu maka kita akan mendapat lebih kejayaan di masa depan untuk semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya telah membuat peninjauan berhubung dengan satu isu iaitu isu tentang rakyat-rakyat yang tinggal di negeri Sarawak. Isu ini ialah berkaitan dengan kemajuan. Maksudnya walaupun saya bersetuju langkah-langkah yang Kerajaan sedang jalankan tetapi tindakan yang Kerajaan telah ambil mengenai pelajaran, ekonomi, sosial atau politik adalah satu perkara yang mesti difikirkan kerana ini semua hendak dihidupkan. Sehubungan dengan itu saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan

Nasional kerana telah berjaya sekurang-kurangnya telah membawa kemajuan kepada semua tempat yang terpencil di negeri Sarawak sebagai contoh.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa polisi yang begitu bermakna pun ada juga yang boleh menimbulkan masalah kepada rakyat. Dengan cara ini adalah beberapa sebab polisi yang direka oleh Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, ialah Dasar Ekonomi Baru. Saya percaya tujuan dasar ini ialah semua kita sudah sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru ada mempunyai dua objektif iaitu:

- (1) Menghapuskan kemiskinan tidak kira apa bangsa.
- (2) Membetulkan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan rakyat Malaysia dengan harapan mencapai 30% penyertaan bumiputera di kalangan sektor perniagaan.

Sekarang di peringkat kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru telah memberi jaminan kepada penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian. Tetapi penyampaian objektif untuk mendapatkan 30% penyertaan bumiputera bagi tahun 1990 masih lagi meragukan kerana angka yang ada sekarang masih belum memuaskan. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, masa enam tahun akan datang penyertaan bumiputera perlu dipertingkatkan sehingga mencapai 14% sebelum seseorang itu boleh berpuas hati bahawa penyertaan 30% telah dicapai. Ini bukanlah satu tanggungjawab yang kecil dan kepastian pencapaian matlamat ini adalah satu kemungkinan yang terlalu kecil. Sekiranya perkara ini betul dan amalan Dasar ekonomi Baru masih didapati menguntungkan terutamanya bagi bumiputera, maka kemungkinan perlu dilanjutkan Dasar Ekonomi

Baru atau setengah-setengah dasar lain sehingga melampau tarikh matlamat asal iaitu tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran panjang lebar yang telah saya bentangkan adalah menyeluruh serata negara. Di Sarawak semangat Kerajaan dalam mencuba mengiatkan penyertaan bumiputera selalu diulaskan. Kini kemiskinan telah berkurangan dan terdapat peningkatan penyertaan anak negeri.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berdebat bahawa bagi pihak penduduk luar bandar Sarawak, Dasar Ekonomi Baru tidak sebenarnya menyerapi kesepenuhnya sehingga ke tahap mereka. Ini tidaklah hendak menafikan bahawa percubaan-percubaan sedang dibuat bagi menggalakkan penduduk-penduduk luar bandar Sarawak untuk menyertai sektor komersial tetapi usaha ini telah diperlambatkan disebabkan oleh berbagai-bagai masalah.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang terbesar ialah hanya sebilangan kecil penduduk luar bandar Sarawak mempunyai cukup kelengkapan bagi menghadapi Dasar Ekonomi Baru dan penyertaan dalam perniagaan. Biarlah saya tegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah baik tetapi marilah kita membantu penduduk-penduduk luar bandar Sarawak untuk memenuhi segala keperluan mereka dahulu supaya mereka juga dapat menerima faedah dari Dasar Ekonomi Baru ini. Sekarang ini betul, Tuan Yang di-Pertua, pokoknya perlulah juga diberi penekanan dalam hal-hal apakah yang menyebabkan penduduk-penduduk luar bandar ini terutamanya tidak bersedia dan dengan itu menjadi lemah.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak sebenarnya mempunyai dua masyarakat, (i) masyarakat bandar yang mana dapat bergerak dan dapat

menyesuaikan dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru, dan (ii) masyarakat desa.

Di sini ramai didapati orang-orang Dayak sungguhpun kaum Dayak adalah sebahagian dan sekumpulan dari golongan bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sebenarnya terbahagi kepada kategori kecil, mereka terdiri dari kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Antara lain-lainnya orang-orang Dayak adalah kaum terbesar sekali di negeri Sarawak. Oleh kerana mereka ini sebilangan besarnya adalah penduduk luar bandar, bercakap mengenai kemajuan penduduk pendalaman adalah bererti bercakap mengenai kemajuan kaum Dayak. Keunggulan kaum Dayak melebihi perkara ini bukan sahaja mereka terdiri dari kaum yang terbesar di negeri Sarawak tetapi mereka juga mendiami sebahagian besar daerah pendalaman. Juga mereka mempunyai tahap kemiskinan yang tertinggi sekali dan kadar buta huruf yang tertinggi. Akhir-akhir ini di sekolah-sekolah di luar bandar di mana terdapat ramai orang-orang Dayak belajar kadar kegagalan adalah amat tinggi sekali. saya rasa hal ini perlu dibuat penyiasatan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, pokok perbincangan saya hari ini bukanlah hendak menyenaraikan kepada Tuan Yang di-Pertua tentang kesangsian dan kekurangan yang dimiliki oleh kaum Dayak Sarawak tetapi sebenarnya adalah untuk menggesa bagi Sarawak setidak-tidaknya amalan Dasar Ekonomi Baru harus diberi penyelarasan iaitu diselaras supaya penduduk-penduduk luar bandar juga dapat menerima faedah sebenarnya. Sebagai sebahagian dari penyelarasan ini saya ingin menggesa agar kaum Dayak di kategori di bawah Dasar Ekonomi Baru berasingan. Dengan berbuat demikian dapat memberi mereka perhatian yang mereka

perlukan agar dapat mengejar dengan sektor-sektor masyarakat Malaysia yang lain. Ini adalah selaras dengan asas pegangan bagi Dasar Ekonomi Baru yang mana bertujuan memperbaiki kehidupan bumiputera di dalam negara ini.

Saya hanya menggesa agar diberi perhatian yang lebih dekat terhadap kaum Dayak sebagai sebahagian dari golongan bumiputera dan ditemui satu dasar tertentu bagi meninjau masalah-masalah mereka. Hanya dengan cara demikian, kaum yang terbesar di Sarawak boleh dapat mengejar bersama-sama dengan saudara-saudara Malaysia mereka yang lain. Tidak mengindahkan faktor bahawa masalah-masalah terkhusus kaum dayak sebenarnya wujud bererti menanggukkan pemulihan dan sewajarnya akan membawa lebih banyak masalah-masalah di masa akan datang. Kaum Dayak sekarang, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan perhatian pihak Persekutuan dan tarikh matlamat dasar ekonomi Baru hendaklah dilanjutkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran belanjawan 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.40 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila membentangkan Belanjawan 1985 telah menyatakan antara lain, bahawa semangat dan perpaduan antara rakyat sangatlah penting, jika kita semua ingin terus menikmati kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran.

Pada 12hb Julai tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah secara awam melahirkan rasa pandang beratnya terhadap

peranan segregasi dan polarisasi kaum di kalangan murid-murid sekolah yang jika tidak dicegah akan membawa ke arah konfrastasi kaum. Beliau juga menggesa menyekat perasaan perkauman di kalangan anak-anak mereka. Polarisasi kaum adalah satu gejala yang sangat merbahaya yang menjejaskan rakyat kita. Punca utama yang menyebabkan polarisasi kaum adalah dasar-dasar Kerajaan sendiri yang tidak mengendahkan hak-hak aspirasi dan sentiviti semua kaum di negara ini khasnya kaum bukan Melayu. Pengumuman dasar "satu bahasa, satu budaya" dalam Perasmian Parlimen pada 10-10-1982, dasar penyerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, ketidakadilan Dasar Ekonomi Baru dalam menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Perbezaan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera adalah antara sebab-sebab yang merupakan punca utama yang mencetuskan polarisasi kaum di negara kita.

Seorang murid apabila berada di bangku sekolah sudahpun disamakan dengan ciri-ciri perkauman, beliau sejak di bangku sekolah tahu apakah makna perkataan "bumiputera" dan "bukan bumiputera", bahawa adalah amat sukar baginya untuk mendapat tempat di tingkatan VI sekiranya beliau bukan seorang bumiputera dan harapannya untuk memasuki universiti serta menerima biasiswa Kerajaan adalah tipis. Dasar-dasar Kerajaanlah yang sepatutnya menyatupadukan rakyat kita telah menjadi punca utama yang memecahbelahkan rakyat kita, mewujudkan salah faham dan rasa keciwaan.

Baru-baru ini Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian Dr Ibrahim Saat telah menuduh ibubapa Cina

yang menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Cina sebagai punca utama yang menyebabkan polarisasi kaum. Beliau juga mengumumkan bahawa satu agensi Kerajaan telah membuat kajian ke atas kesan-kesan akibat persekolahan, segregasi di peringkat sekolah rendah terhadap mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu. Adakah menurut logik Dr Ibrahim Saat itu masalah polarisasi kaum boleh diatasi dengan menutup Sekolah-sekolah Rendah Cina dan sekolah-sekolah bebas menengah Cina. Kerajaan telah berusaha dan melakukan pelbagai tindakan untuk menyekat pertumbuhan dan perkembangan sekolah-sekolah Cina di negara ini. Ia mempunyai Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah-sekolah Rendah Cina kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan. Isi kandungan buku-buku teks di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah diubah, guru-guru dan kerani-kerani yang tidak mahir dalam bahasa Cina dihantar berkhidmat di sekolah-sekolah Cina dan langkah terbaharu kini atas nama mencegah polarisasi kaum ialah pengkajian dibuat untuk mendapat tahu kesan-kesan akibat persekolahan segregasi di peringkat sekolah rendah. Sekiranya Kerajaan ingin tahu apa punca utama yang menyebabkan polarisasi kaum negara ini, maka ia tidak lain dan tidak bukan ialah dasar-dasar Kerajaan sendiri! Masalah polarisasi kaum bukan sahaja wujud di sekolah-sekolah bahkan di seluruh peringkat kehidupan negara.

Pada akhir bulan Julai lalu, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Raymond Navaratnam telah menyatakan pegawai-pegawai Kerajaan bukan Melayu merasa "sense of alienation", kerana layanan yang sama tidak diberi kepada mereka dalam soal kenaikan pangkat, peluang

latihan, pelajaran lanjutan dan sebagainya. Kesatuan Perkhidmatan Teknikal Malaysia juga telah mengumumkan bahawa kenaikan pangkat dibuat mengikut kriteria kaum, dan bahawa ramai kakitangan-kakitangan yang berpengalaman telah diketepikan dalam masalah urusan kenaikan pangkat baru-baru ini. Kerajaan haruslah menghentikan dasar-dasar yang bersifat discriminatory ini, sekiranya ia ingin melihat sebuah negara yang bersatupadu, bahagian dan aman.

Saya ingin menyentuh isu Bukit Cina di Melaka. Kelmarin Yang Amat Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa Peguam Negara telah menyatakan dalam pendapatnya bahawa Bukit Cina boleh dimajukan tertakluk kepada skop dan syarat-syarat yang tertentu. Sungguhpun beliau tidak menghuraikan syarat-syarat tersebut, walaupun ditanya oleh rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya ingin memberitahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa masyarakat Cina di negeri ini tidak mahu Bukit Cina dirata dan dibangunkan, kerana ia adalah warisan negara kita yang berusia 500 tahun, ia juga adalah simbol persahabatan pertama antara orang-orang Melayu dan Cina di negara ini dengan perkahwinan Sultan Mansor Shah dengan Puteri Han Li Po yang tercatat dalam Sejarah Melayu. 12,500 kubur yang terdapat di Bukit Cina juga melambangkan sumbangan pengorbanan orang-orang Cina terhadap pembinaan negara. Juga ia adalah satu harta benda, amanah untuk penggalakan dan penyatuan ugama Buddha dan lain-lain ugama, juga kebebasan untuk beragama adalah satu hak yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Bukit Cina adalah juga ujian tentang toleransi dan sensitiviti terhadap kaum lain di negara ini.

Kerajaan hendaklah menghormati kehendak dan cita-cita masyarakat Cina dan pemegang-pemegang amalan kuil Cheng Hoon Teng dan Bukit Cina dipelihara dan dikekalkan. Hakikat bahawa lebih 300,000 tandatangan yang diperolehi dari berbagai kaum di negara ini, oleh Parti DAP jelas menunjukkan bahawa orang ramai tidak bersetuju supaya Bukit Cina dirata dan dibangunkan dan saya mengesa Kerajaan Pusat supaya menasihatkan Kerajaan Negeri Melaka supaya menghentikan ugutan dan rancangannya untuk merata dan membangunkan Bukit Cina. Suara rakyat harus didengar dan dilayan kerana kuasa datang daripada rakyat.

Akhirnya, saya ingin sentuh sedikit mengenai skandal BMF. Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan telah berkata mengenai skandal BMF bahawa "peristiwa pahit ini telah lalu". Peristiwa ini tidak akan lalu sehingga pesalah-pesalah yang terlibat dihukum serta maklumat-maklumat serta latar belakang di sebalik skandal tersebut dibongkarkan kerana wang awam yang terlibat dan skandal tersebut tidak boleh ditutup begitu sahaja. Pada hari Rabu lalu, selepas Mesyuarat Kabinet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Jemaah Menteri telah menerima Laporan Sementara Pertama Jawatankuasa Penyiasatan atas Skandal BMF yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, tetapi Jemaah Menteri tidak membincangkannya kerana kesuntukan masa. Ini adalah amat memeranjatkan, seolah-olah Jemaah Menteri tidak ada masa untuk membincang laporan yang begitu penting mengenai satu skandal yang menyebabkan kerugian kira-kira \$2.5 billion.

Saya juga ingin menyatakan rasa kesal saya terhadap Perdana Menteri

yang telah membidas golongan-golongan yang menuduhnya hendak menjatuhkan pemimpin-pemimpin Melayu serta menjahanamkan Bank Bumiputera dengan membabitkan Bank Bumiputera dalam Skandal pinjaman BMF. Hubungan Bank Bumiputera dalam Skandal BMF adalah ketara kerana syarikat Malaysian Finance yang ditubuhkan itu adalah kepunyaan Bank Bumiputera dan sekiranya tidak berlaku skandal pinjaman BMF, Bank Bumiputera tidak akan mengalami kerugian sebanyak \$969 juta dan Bank tersebut terpaksa diselamatkan oleh PETRONAS yang terpaksa membelanja \$2.5 billion bagi tujuan tersebut.

Kami dari Parti DAP mengutuk orang-orang yang terlibat dalam skandal itu didedahkan serta pesalah-pesalah dibawa ke muka pengadilan. Dengan berbuat demikian, ia akan menjadi satu pengajaran kepada orang-orang lain bahawa Kerajaan dan rakyat tidak akan membenarkan mana-mana orang lain menyalahgunakan kuasa serta mengkhianati amanah yang diletakkan ke atas mereka sejajar dengan slogan kita "Bersih, Cekap dan Amanah" Kerajaan. Juga, perbuatan seumpama itu akan memulihkan kewibawaan dan "credibility" Bank Bumiputera serta orang-orang lain yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerantut.

5.54 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan seperti juga rakan-rakan yang lain turut mengalu-alukan ucapan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1985 yang saya anggap sebagai satu Belanjawan yang praktikal, adil dan dapat menjamin masa hadapan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, 3 strategi Belanjawan seperti yang telah dibentangkan, iaitu:

- (1) mengukuhkan imbangan pembayaran;
- (2) mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan; dan
- (3) menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

3 strategi Belanjawan 1985 adalah strategi yang tepat untuk membaiki keadaan ekonomi negara, imbangan pembayaran dan mengekal pertumbuhan ekonomi negara. Ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang mana telah meneruskan dasar berjimat cermat demi untuk mengawal perbelanjaan Kerajaan dan mencapai strategi yang telah ditetapkan.

Menurut Menteri Kewangan, prospek ekonomi dunia dan kesannya ke atas ekonomi Malaysia tidak begitu menggalakkan bagi tahun 1985. Ekonomi negara Malaysia sangat-sangat terdedah kepada ekonomi dunia. Keadaan bertambah sulit kerana kaitan negara kita sebagai pengeluar bahan utama dan ekonomi negara bergantung kepada hasil eksport bahan-bahan tersebut. Oleh itu, saya ingin membentangkan di sini beberapa perkara untuk pertimbangan Kerajaan, iaitu khusus berkaitan dengan masalah pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, ekonomi yang sangat bergantung kepada hasil eksport bahan-bahan utama, adalah satu negara yang ekonominya tidaklah kukuh kerana apa yang terjadi di pasaran dunia akan menyebabkan ataupun memberi kesan kepada ekonomi sesebuah negara itu. Dalam

keadaan ekonomi negara sekarang ini terdapat dengan jelas jurang pertumbuhan ekonomi di dalam berbagai-bagai sektor. Misalnya, kawasan bandar yang maju dan kawasan luar bandar yang mundur ataupun sektor perindustrian pembuatan dan lain-lain perindustrian lebih maju dan sektor pertanian lebih mundur. Maksudnya, terdapat keadaan pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang di berbagai-bagai sektor ekonomi. Keadaan pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang sangatlah merbahaya kepada keadaan ekonomi negara, terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia yang ekonominya bergantung kepada pengeluaran bahan-bahan utama.

Keadaan yang saya maksudkan itu ialah:

- (1) keadaan mundur di luar bandar akan menyebabkan daya pengeluaran rendah dan oleh itu menyebabkan pula kuasa pembelian mereka kecil;
- (2) kuasa pembelian kecil di sekitar yang lemah ini menyebabkan pasaran barang-barang buatan sektor perindustrian dalam negara menjadi kecil; dan
- (3) pasaran yang kecil ini akan menyebabkan kurang galakan bagi pelaburan swasta di dalam industri barang-barang pembuatan.

Kurangnya minat pelaburan swasta di bidang pengeluaran bahan-bahan pembuatan akan menyebabkan negara terpaksa mengimport bahan-bahan tersebut sebagai satu keperluan. Keadaan ini seterusnya adalah merugikan pertukaran asing dan menggugat kedudukanimbangan pembayaran negara. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dielakkan kerana rakyat seterusnya memerlukan keperluan-keperluan yang berkaitan. Akibat yang lain,

perindustrian tidak dapat berkembang. Sektor pertanian telah sedia mundur dan kedua-dua sebab ini menyebabkan ekonomi keseluruhan negara akan menurun dan ini akan meruntuhkan ekonomi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada masalah ini ada berbagai-bagai mengikut sekolah masing-masing dan teori-teori ekonominya. Walau bagaimanapun, saya berpendapat perlu satu pola perseimbangan pelaburan (a balance patern of investment) di berbagai-bagai industri. Faedah yang kita akan dapati daripada pola perseimbangan pelaburan ialah:

- (1) rakyat akan bekerja lebih produktif;
- (2) dengan modal yang banyak di berbagai-bagai industri, misalnya di industri pertanian, dan industri pembuatan akan menyebabkan pertambahan permintaan (demand); dan
- (3) dengan kemajuan teknologi akan wujud keadaan saling sokong menyokong di antara satu industri dengan industri yang lain.

Dalam proses ini akhirnya ia akan menimbulkan keadaan:

- (1) pertambahan permintaan (demand) dalam negeri dengan cara meninggikan daya pengeluaran;
- (2) ini akan meninggikan kuasa pembelian sebenar (real purchasing power);
- (3) wujudnya bentuk pelaburan yang saling sokong-menyokong di berbagai line pengeluaran dan industri; dan
- (4) keadaan ini menjadikan saiz pasaran lebih besar dan akan mengisi kekosongan dalam ekonomi dalam kawasan luar bandar.

Proses di atas dalam istilah ekonominya dipanggil pertumbuhan seimbangan (balanced growth). Ianya dikenalkan oleh ahli ekonomi bernama Ragner Nurkse dalam tulisannya bertajuk, dengan izin: *The conflict between balanced growth and international specialisation.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada keadaan negara kita dan saya berharap ianya akan menjadi satu menungan kepada pakar-pakar perancangan ekonomi negara yang saya juga memahami bahawa telah terdapat dalam pengetahuan mereka dan saya berpendapat pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini kita memberikan perhatian yang khusus dan sangat penting kita mengambil berat dari segi soal pertumbuhan seimbang ini.

Adalah jelas terdapat keadaan tidak seimbang. Pertumbuhan di sektor pertanian dan sektor perindustrian pembuatan yang kebanyakannya terdapat di bandar. Pertumbuhan seimbang adalah satu cara bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Kaitan di antara pertanian dengan industri pembuatan adalah satu contoh perlunya pertumbuhan seimbang. Kedua-dua sektor tersebut perlu bergerak maju bersama-sama jika satu sektor tetap pasif, sektor yang satu lagi akan turut mundur ataupun dengan perkataan yang mudah jika satu sektor misalnya sektor pertanian lembab menyebabkan kaitannya kepada sektor perindustrian pembuatan juga akan lembab dan dengan berpusingnya aktiviti ini dia akan menurunkan dari segi keadaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia misalnya sektor pertanian di luar bandar dengan daya pengeluaran yang rendah telah mewujudkan kemunduran dan kemiskinan luar

bandar. Rakyat tidak mempunyai pendapatan yang secukupnya untuk membeli barang-barang keluaran. Ini menyebabkan kurangnya permintaan kepada barang-barang keluaran industri pembuatan negara. Sebaliknya sektor perindustrian dan sektor perindustrian pembuatan di bandar yang pada mulanya diwujudkan dan biasanya pada mulanya maju juga akan menjadi mundur kerana kurangnya pasaran dalam negara. Keadaan ini akan melemahkan kedua-dua industri tersebut dan oleh itu segala sumber ekonomi perlulah diagih dan dilabur dengan lebih seimbang kepada semua sektor.

Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun, Korea dan Taiwan adalah di antara contoh di negara Asia ini yang mana sistem ekonominya mengamalkan sistem pertumbuhan seimbang. Adalah didapati misalnya di negara Jepun pertumbuhan sektor pertanian seimbang dengan pertumbuhan sektor industri pembuatan. Sektor pertaniannya sangatlah maju dan begitu juga perindustrian telah menjadi pengetahuan umum.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, berpeluang melawat beberapa kali di negeri Jepun dan melihat sendiri perkembangan pertanian di negara tersebut. Dari pengeluaran yang tinggi di sektor pertanian di negara tersebut menyebabkan pertambahan kuasa pembelian sebenar dan ini meninggikan permintaan kepada barang-barang dari sektor perindustrian. Ini seterusnya akan menyebabkan bertambah daya pengeluaran di sektor industri kerana permintaan yang lebih dan seterusnya menyuburkan pertumbuhan industri pembuatan. Seterusnya dengan pengeluaran besar-besaran dengan mengambil faedah, dengan izin, economic of scale industri-industri tersebut mampu mengeluarkan

barang-barang untuk di eksport pula ke luar negeri dan biasanya dengan harga yang murah setelah dapat memenangi pasaran tempatan. Ini mendatangkan hasil pertukaran asing yang tinggi bagi negara tersebut dan meninggikan kedudukan ekonominya.

Selain daripada itu hasil sampingan yang didapatinya ialah tingginya tahap teknologi dan kepakaran mereka dalam semua bidang. Ini adalah di antara beberapa sebab dan rahsia mengapa ekonomi negara Jepun sentiasa kukuh sekalipun dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Begitu juga Taiwan dan sekarang ini saya mendapat tahu negeri Thailand di utara Semenanjung sedang memajukan sektor pertanian mereka dengan harapan sektor pertanian ini akan membantu menyokong sektor industri pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan bagi memodenkan sektor luar bandar di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan saya berharap Kerajaan akan bersungguh-sungguh dalam memajukan sektor pertanian luar bandar. Adalah tidak mencukupi diadakan projek-projek contoh tetapi sebaliknya satu pelaksanaan di dalam program yang menyeluruh bagi semua kampung-kampung di luar bandar adalah perlu. Saya juga berharap dengan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara keadaan pertumbuhan yang tidak seimbang ini akan dapat dibaiki. dalam hubungan ini saya memuji dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Jaafar Hussein, Pengerusi Persatuan Bank-bank Malaysia yang telah menyatakan. Sokongan industri kewangan bagi Dasar Pertanian Negara. Beliau telah berucap di satu majlis makan malam Persatuan Bank-bank dan Institusi-institusi Kewangan Malaysia pada 30-10-84.

Datuk Jaafar Hussein telah menyatakan bahawa dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang industri kewangan akan membantu sektor pertanian menerusi empat langkah iaitu pembangunan inteligen pemasaran, kemahiran penilaian teknikal dan kemampuan penyelidikan; yang kedua, skim pembiayaan pertanian istimewa untuk pertanian kelompok untuk petani-petani kecil; yang ketiga, pembiayaan konsortium projek-projek pengeluaran makanan pertanian secara besar-besaran untuk badan-badan corporate; dan yang keempat, pembiayaan modal terokaan projek-projek pertanian teknologi tinggi yang baru umpamanya menghasilkan Vitamin E daripada daun kelapa sawit. Kenyataan Datuk Jaafar ini, Tuan Yang di-Pertua, memberi tiga implikasi penting.

Pertama, industri kewangan mengakui betapa pentingnya sektor pertanian dimodenkan. Yang kedua, sektor pertanian di Malaysia sangat penting untuk menjamin masa hadapan ekonomi negara dan, yang ketiga, industri kewangan memberi sokongan kepada usaha Kerajaan di dalam usaha memaju dan memodenkan sektor pertanian. Oleh itu sektor pertanian dan industri berasas pertanian adalah sektor yang tidak boleh diabaikan. Yang lebih penting pertumbuhan sektor pertanian haruslah bergerak maju ke hadapan bersama-sama dengan lain-lain sektor seperti sektor industri pembuatan bagi menjamin pertumbuhan seimbang.

Ada contoh yang jelas di negara kita ini yang sangat berkait dengan perkara ini walaupun secara kecil-kecilan iaitu dengan pembangunan wilayah di kawasan FELDA. Misalnya, rancangan FELDA telah berjaya membangunkan satu kawasan pertanian yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi. Kesannya

ialah telah meninggikan kedudukan sosio ekonomi peneroka. Ini telah mewujudkan kuasa pembelian sebenar yang tinggi di kawasan-kawasan FELDA dan seterusnya telah menambahkan permintaan kepada barang-barang pembuatan. Tetapi jika dibandingkan dengan keadaan keseluruhan negara, keadaan yang berlaku di FELDA itu adalah dalam satu kawasan yang sangat kecil dan ianya tidak memadai bagi mewujudkan permintaan dalam negeri yang besar dan berkekalan. Oleh itu, berkulah pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan usaha meninggikan pertumbuhan di sektor pertanian di seluruh negara seperti pelaksanaan Dasar Pertanian Negara dan Permodenan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang soal pemilihan teknologi sebagai satu cara bagi membangunkan ekonomi negara. Misalnya persoalan sama ada kita ingin menggunakan teknologi (high technology) ataupun teknologi pertengahan (intermediate technology). Dua persoalan ini akan menentukan ke arah mana negara kita akan membangun dengan setakat mana kejayaan dicapai.

Beberapa pelajaran dari sejarah dapat dilihat misalnya apa yang terjadi di negara-negara sedang membangun seperti di India dan Turki. Penggunaan Teknologi yang tinggi dengan mewujudkan industri moden di bandar-bandar besar menyebabkan dua perkara. Pertama, industri besar di bandar-bandar akan membunuh industri tradisional di kampung-kampung. Yang kedua, sebagai tindak balas dari sektor luar bandar penduduk-penduduk dari luar bandar akan berhijrah ke bandar-bandar.

Penghijrahan ke bandar secara besar-besaran akan mewujudkan masalah sosial misalnya wujudnya

kawasan-kawasan setinggan kerana tidak cukup tempat tinggal. Yang kedua tidak cukup kemudahan sosial seperti air, api, kesihatan, sekolah di bandar akibat pertambahan penduduk yang mengejut. Keadaan ini berlaku kepada negara seperti negara, yang mana terdapat tenaga kerja yang banyak dan biasanya penggunaan teknologi tinggi adalah tidak sesuai bagi negara-negara yang mempunyai tenaga pekerja yang banyak seperti Malaysia ini. Penggunaan mesin-mesin moden, industri-industri moden telah mengambil alih tugas pekerja-pekerja ini mewujudkan pengangguran.

Apa yang menjadi buruk ialah apabila pembangunan teknologi moden itu adalah dibiayai oleh pinjaman modal dari luar negeri. Keadaan ini adalah hasil dari meniru bulat-bulat sistem ekonomi barat yang jauh berbeza dan tidak boleh digunakan pada setengah-setengah negara-negara yang sedang membangun. Oleh itu adalah sangat penting soal pemilihan teknologi yang tepat bagi menjamin kemajuan negara demi untuk mengelakkan pengangguran dan penghijrahan besar-besaran penduduk desa ke kota.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada yang saya katakan tadi kebanyakan negara-negara yang sedang membangun kita mendapat dua masalah besar ini iaitu pengangguran dan penghijrahan besar-besaran. Saya berpendapat Malaysia perlu menggunakan teknologi yang sederhana ataupun dengan izin "intermediate technology" sebagai satu cara untuk membangun ekonomi negara. Ini berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (1) Kita mempunyai bilangan tenaga pekerja yang ramai.
- (2) Kita mempunyai banyak bahan-bahan mentah seperti bijih,

getah, kelapa sawit, minyak dan kayu-kayan.

- (3) Kawasan luar bandar masih belum dibangunkan.
- (4) Tenaga pekerja kita yang ramai belum mencapai tahap kemahiran yang tinggi.
- (5) Keadaan ekonomi kita belumlah seburuk negara-negara yang sedang membangun lain yang telah membuat kesilapan memilih teknologi.

Teknologi sederhana tidak bermakna kita menolak langsung penggunaan mesin-mesin dan peralatan moden tetapi kita tidak bergantung kepada hanya mesin-mesin tersebut, falsafah dalam teknologi sederhana ialah mewujudkan alat-alat jentera dan sistem yang boleh melaksanakan dan menjadikan bahan-bahan tempatan sebagai keluaran-keluaran yang boleh digunakan oleh pasaran tempatan itu juga. Misalnya industri-industri seperti industri pengeluaran bahan-bahan pengguna termasuk bahan-bahan binaan, industri berasaskan pertanian dan pengeluaran alat-alat pertanian dan industri mengeluarkan alat-alat jentera untuk teknologi pertengahan. Misalnya industri luar bandar yang kita dapati sekarang inipun ada seperti mengetin barang-barang makanan, kilang batik, kilang membuat jentera ringan, firma kejuruteraan tempatan boleh mereka alat-alat jentera mudah yang boleh digunakan sebagai alat jentera bagi keperluan industri pertanian dan pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulung?

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Gulung, Tuan Yang di-Pertua. Keadaan seperti ini amat berfaedah bagi luar bandar dan dapat mengatasi masalah dan penghijrahan kepada bandar. Apa yang perlu dibuat

ialah, yang pertama tempat bekerja mestilah didirikan di kawasan tempat tinggal penduduk termasuk kampung-kampung dan tidak di bandar sahaja. Yang kedua tempat bekerja mestilah dibangunkan dengan kos yang serendah mungkin supaya boleh diwujudkan di banyak tempat tanpa menggunakan pinjaman modal dari dalam mahupun luar negeri. Yang ketiga, bentuk dan pola pengeluaran mestilah mudah secara berbanding kerana meminimakan tenaga mahir yang tinggi tidak memerlukan strategi pemasaran yang kompleks dan pengurusan kewangan yang rumit. Yang keempat pengeluaran haruslah dari punca dan bahan-bahan tempatan untuk penggunaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pada akhirnya saya tidaklah menolak penggunaan teknologi tinggi kalau tempatnya bersesuaian misalnya dengan pertumbuhan yang seimbang, kita boleh mewujudkan industri teknologi tinggi seperti yang dilakukan oleh HICOM, seperti projek Proton Saga, kereta nasional, projek besi berongga. Tetapi yang perlu diingat ialah dalam mewujudkan industri teknologi tinggi, kita mesti menimbangkan keadaan ekonomi di berbagai-bagai sektor. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan Tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

6.16 ptg.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi bersama-sama dengan ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah dapat membentangkan Belanjawan 1985 dengan begitu tenang walaupun kita sama-sama mengetahui itu adalah ucapan ulung beliau dalam Dewan yang mulia ini.

Mengikut pandangan saya apa yang telah disampaikan adalah satu Belanjawan yang begitu menasabah memandangkan kemelesetan ekonomi yang dialami seluruh dunia ini. Kita tahu bahawa ada pihak-pihak yang menuduh seolah-olah Belanjawan ini bagi kepentingan segelintir manusia yang kaya-raya tetapi apa yang kita lihat Belanjawan yang telah dibentangkan itu adalah untuk kesemua rakyat Malaysia dan bagi kepentingan negara pada keseluruhannya. Oleh yang demikian saya menyokong penuh atas Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Seperkara yang ingin saya memperkatakan di sini ialah tentang nilai-nilai Islam yang ingin diserapkan di dalam pentadbiran Kerajaan. Perkara ini sudah seringkali saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini khasnya berkenaan dengan apa yang kita panggil pentadbiran pembedahan mayat atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua "post-mortem" iaitu kita dapati semua kes-kes yang dibawa ke Hospital Besar, mayat-mayat yang berkaitan sama ada jenayah ataupun tidak kalau sudah dikeluarkan apa yang dipanggil "post-mortem order" dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dinamakan Kanun Acara Jenayah Seksyen 33 (1), maka pembedahan mayat ini akan dilakukan oleh seorang pakar di dalam Hospital Besar.

Kita dapati bahawa sudah 27 tahun negara kita merdeka, di dalam 27 tahun ini berkaitan dengan "post mortem" tidak langsung kita perbaiki sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri. Kita juga tahu bahawa ada di antara mayat-mayat ini yang sebab-menyebabkan kematiannya begitu sah dan sahah daripada segi zahirnya tetapi apabila post-mortem order ini dikeluarkan mahu tidak mahu mayat ini akan dibedah.

Orang-orang Islam perkara seperti ini tidak mahu dilakukan atas mayat, kepada kami orang Islam pembedahan mayat merupakan seksa terhadap mayat itu sendiri, walaupun kita tahu kalau tidak dibedah mungkin timbul beberapa perkara yang berkaitan dengan insurans dan soal-soal yang berbangkit dengan sebab-menyebabkan kematian itu.

Kita dapati bahawa bukan sahaja orang Islam, saya difahamkan kaum-kaum lain juga, sama ada India atau Cina, tidak suka pembedahan mayat itu dijalankan. Kepada mereka, seperti kita juga bahawa menyiksa mayat adalah satu perkara kalau boleh hendak dielakkan.

Selain daripada itu, kita dapati bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur khasnya, duduk di dalam kawasan Setapak yang saya wakili. Perkara yang begini selalu berlaku, sering berlaku apabila adanya mayat di rumah mayat bagi doktor menjalankan pembedahan, kaum keluarga, sanak saudara akan datang berjumpa dengan wakil rakyat memohon jasa baik wakil rakyat supaya mayat berkenaan tidak dibedah. Seringkali wakil rakyat berjumpa dengan pakar pembedahan di Hospital Besar itu dan adakalanya mendapat kerjasama tetapi adakalanya tidak kerana bagi mereka kita apabila "post-mortem order" itu dikeluarkan, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk membedah mayat itu, walaupun sah dan sahah mayat itu adalah diakibatkan oleh kemalangan jalan raya.

Kita faham bahawa pembedahan itu adalah satu undang-undang yang kita terima secara bulat-bulat daripada Kerajaan Penjajah Inggeris dahulu dan oleh kerana itu kita tidak ada langsung membuat sebarang pindaan terhadap undang-undang ataupun terhadap perkara yang berhubung dengan pembedahan mayat itu. Kita

juga tahu pembedahan mayat itu bukan sahaja melibatkan doktor-doktor di hospital, malahan juga Kementerian Dalam Negeri, yang pada hemat saya langsung tidak mengetahui bagaimana "post-mortem order" itu dikeluarkan oleh setengah-setengah pihak Balai Polis yang berkenaan atau yang berhampiran dengan tempat berlakunya kemalangan jalan raya. Apabila mayat sudah terbentang di dalam bilik mayat dan pihak keluarga ramai-ramai duduk menunggu, bilakah mayat itu hendak dikeluarkan bagi ditanam atau dikebumikan di dalam tempat yang selalu dibuat. Di sinilah kadangkala kita tengok berlaku salah faham di antara pihak keluarga dengan pakar pembedahan mayat. Kita biasa dengar dan saya sendiri biasa mengalami hampir berlaku perkara yang tidak diingini di bilik pembedahan mayat. Kepada pihak doktor, pada mereka ini adalah tugas dan tanggungjawab mereka dan pada pihak Polis ataupun Kementerian Dalam Negeri, apabila "post-mortem order" itu sudah dikeluarkan, terserahlah kepada pihak doktor untuk menentukan sama ada hendak dibedah atau tidak.

Saya ingin menyarankan di sini agar undang-undang pembedahan mayat itu dikemas-kinikan sesuai dengan kehendak-kehendak Islam atau sesuai dengan apa yang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan iaitu bagi menyerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi berkenaan nilai-nilai Islam. Setakat ini Kerajaan telah berjaya menahan orang-orang Islam, khususnya orang Melayu yang beragama Islam supaya tidak lagi masuk ke Genting Highlands untuk berjudi. Ini satu langkah yang baik yang telah diambil oleh pihak Kerajaan agar dapat kita

menanamkan semangat atau nilai Islam yang sebenar-benarnya sesuai dengan Perlembagaan Negara kita yang mana Islam diletakkan sebagai Agama Rasmi negara kita. Tetapi di dalam Wilayah Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bahawa lebih banyak rumah-rumah urut yang ada. Rumah urut itu, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah salah kalau dia hanya mengurut

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tunggu sekejap. Ada apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Qoram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 27 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah kehilangan modal hendak bercakap kerana ada gangguan loceng. Walau bagaimanapun, izinkan saya teruskan.

Saya sedang memperkatakan soal rumah urut berkaitan dengan nilai Islam yang cuba diserapkan di dalam pentadbiran Kerajaan dan di dalam Wilayah bahawa rumah urut ini sudah semakin banyak kita lihat, yang mana lesen rumah-rumah urut ini sebenarnya diberi oleh Dewan Bandaraya sendiri dengan kerjasama pihak Polis Wilayah Persekutuan. Dan apa yang saya hendak sentuh di sini bukanlah rumah urut itu semata-mata, tetapi apa yang kita selalu dapat lihat berlaku perompakan, pembunuhan adalah berpunca atau berpusat di mana adanya banyak rumah urut seperti ini. Contoh baik ialah di Bukit Bintang sendiri iaitu di mana banyak sangat terdapat rumah urut itu yang mana kita dapati apabila telah dibuat penyelidikan atas sesebuah rumah urut, didapati lesennya tidak melengkapkan mereka menjalankan "urusan-urusan" apa yang mereka

selalu jalankan. Jadi oleh kerana itu, saya berasa sudah sampai masanya pihak Dewan Bandaraya dan pihak Polis Wilayah menyelidik dan meneliti kembali atas lesen-lesen yang telah diberikan kepada rumah-rumah urut yang ada di Wilayah Persekutuan ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun. Bangun di atas apa, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, sila.

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak, maksud dia rumah urut itu adakah termasuk satu rumah urut secara tradisional; yang diurut oleh orang lelaki, orang itu buta, tak ada langsung membangkitkan syahwat. Jadi adakah perkara ini pun termasuk kerana kalau ini pun termasuk barangkali susahlah kita hendak mendapat rawatan tradisional?

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya maksudkan dengan rumah urut itu selalunya yang menimbulkan syahwatlah. Yang tak menimbulkan syahwat bukanlah yang diurut, yang lain dan maksud saya dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, massage parlour, kerana kita tahu banyak sangat massage parlour ini sudahpun diberi lesen di dalam Wilayah Persekutuan oleh Dewan Bandaraya dengan persetujuan atau penyelidikan pihak Polis Wilayah sendiri. Itu yang saya maksudkan dengan rumah urut.

Selain daripada itu, saya ingin juga memperkatakan satu perkara yang lain berkaitan dengan syahwat yang mana mengikut soalan tadi, kalau

rumah urut tradisional, saya harapkan Kerajaan galakkan. Bukan menahan. Kita tidak ada nampak rumah urut yang rasmi ataupun yang diberi lesen urut tradisional di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Kata saya, selain daripada itu kadangkala berlakunya rompakan, pembunuhan, selalunya berhampiran dengan rumah-rumah urut seperti ini. Lebih tepat dia merupakan satu pusat di mana ramai orang datang dan orang-orang ini yang selalu datang ke rumah-rumah urut ini mempunyai dengan izin, shadow character. Kita tidak tahu latarbelakang mereka ini dan pihak Polis juga kadangkala apabila membuat sebarang serbuan terhadap rumah-rumah urut ini mendapati ramai yang boleh dijumpai iaitu orang-orang yang dikehendaki oleh pihak Polis di dalam rumah-rumah urut seperti yang saya nyatakan itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan nilai Islam lagi. Kita dapati bahawa sekarang di dalam negara kita mengikut tiap-tiap Kerajaan Negeri bahawa tidak dibenarkan orang-orang Islam mempunyai lesen berkaitan dengan menjual iaitu arak ataupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, liquor. Lesen ini tidak dikeluarkan kepada orang-orang Islam, orang-orang Melayu tetapi lesen ini dikeluarkan kepada orang-orang yang bukan Islam, bukan orang Melayu, sepertimana Genting juga, bukan untuk orang Islam, bukan untuk orang Melayu tetapi orang yang bukan Melayu dan bukan Islam boleh melawat Genting. Jadi, pada hemat saya benda ini adalah satu perkara yang kadangkala menimbulkan double standard, dengan bertikata lesen dikeluarkan kepada bukan Islam tetapi yang datang, yang patronise, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat seperti ini adalah

orang-orang tidak mestinya bukan Islam. Orang Islam juga datang ke tempat-tempat seperti ini.

Jadi rasa saya, sudah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan perkara seperti ini. Kadangkala diketawakan orang, diketawakan oleh khalayak ramai khususnya di Wilayah Persekutuan ini. Kita tahu kalau satu kawasan yang bernama Lorong Haji Taib, Lorong Haji Taib 1, Lorong Haji Taib 2 dan Lorong Haji Taib 3—itu adalah satu kawasan yang pada dahulunya kita panggil Belakang Mati. Oleh kerana nama lorong itu Haji Taib, dan sekarang kita sedang memperkatakan dengan hebatnya untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan kawasan itu nama jalannya jangan lagi membawa nama seorang haji, kerana kawasan itu kawasan maksiat. Sah sahlah siapapun tahu di dalam Wilayah ini kawasan itu dahulunya kita panggil kawasan Belakang Mati.

Jadi, saya hendak sangat kalau dapat pihak Kementerian Wilayah memikirkan bahawa nama Haji Taib ini, Lorong Haji Taib 1, Lorong Haji Taib 2 dan Lorong Haji Taib 3 ditukar barangkali ke nama Jalan Idris 1, Jalan Idris 2 dan Jalan Idris 3 (*Ketawa*) tanpa haji. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut menerapkan nilai-nilai Islam, kita tidak mahu kita dituduh sebagai satu manusia yang hipokret terhadap agama itu sendiri. Sebagai manusia yang hanya pandai menyuarakan supaya Islam itu diserapkan di dalam pentadbiran tetapi di dalam praktiknya kita dapati di dalam Wilayah ini sebagai Wakil Rakyat di dalam Wilayah kita tahu bahawa ada beberapa perkara—cakap lain, buat lain. Cakap tidak serupa bikin. Dan perkara-perkara ini menjolok mata khasnya kepada umat Islam yang bilangannya hanya 28% di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Kita sangat sanjung tinggi atas usaha-usaha yang telah dijalankan dan akan dijalankan ke arah menuju kesucian Islam itu sendiri. Kita sanjung tinggi kerana ianya akan menjamin hidup yang suci murni dan kita sanjung tinggi kalau benda-benda ini dapat dipraktikkan, tidak lagi mempunyai double standard seperti mana yang saya perkatakan sebentar tadi. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bagi kita menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Kerajaan, kita harus mengadakan satu jawatankuasa supaya dapat meneliti apakah nilai-nilai yang kita maksudkan di dalam Islam walaupun pada pengetahuan umum bahawa Islam itu satu agama yang universal.

Kita semua boleh terima semua kaum, semua agama boleh menerima apa yang ada di dalam Islam itu sendiri. Tetapi untuk masyarakat seperti yang ada di dalam negara kita, nilai-nilai Islam ini haruslah disampaikan dahulu untuk pengetahuan umum, diceritakan dahulu, disampaikan pada mereka memahami apa yang sebenarnya nilai-nilai Islam yang hendak diserapkan untuk pentadbiran Kerajaan itu sendiri. Kita tidak mahu diketawakan, kita tidak mahu diperkecilkan oleh kerana kita orang Islam. Kita orang Islam sendiri tidak tahu sebenarnya apakah yang sebenarnya ke arah manakah kerajaan kita hendak membawa dengan menerapkan nilai-nilai Islam itu sendiri.

Kita biasa dengar rungutan kawan dan lawan bahawa adakah menjadi matlamat Kerajaan akhirnya nanti dengan menerapkan nilai-nilai Islam ini kita hendak semua-semua orang menganut agama Islam. Adakah nanti matlamatnya segala yang Islam, mahu diikuti, dipatuhi oleh orang-orang yang walaupun bukan beragama

Islam. Jadi, kalaulah dapat perkara-perkara ini disampaikan, dibuat satu jawatankuasa di peringkat Negeri dan peringkat Pusat, di peringkat Daerah bagi meneliti lebih dalam apakah perkara-perkara yang hendak disampaikan demi kepentingan rakyat kita semuanya, rakyat jelata di dalam Malaysia ini. Dan saya percaya usaha-usaha Kerajaan akan berjaya akhirnya kalau dapat satu jawatankuasa khas ditubuhkan di peringkat Pusat, di peringkat Negeri, di peringkat Daerah untuk memahami kepada rakyat jelata tujuan dan matlamat Kerajaan dengan menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Kerajaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Belanjawan 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lubok Antu.

6.38 ptg.

Tuan Andrew Janggi Anak Muyang (Lubok Antu): Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan dan menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan dan seterusnya memberi tahniah. Saya mensifatkan Belanjawan yang disediakan oleh Menteri Kewangan ini sangat praktikal dan pragmatik yang menyebabkan orang-orang kaya dan miskin bersama-sama gembira walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa Belanjawan ini adalah semata-mata untuk kepentingan orang-orang yang kaya, orang-orang yang senang dan tidak memberi apa-apa faedah kepada orang yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kali ini ialah bagi memastikan ketahanan dan keutuhan ekonomi negara untuk mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan.

Sebagai sebuah negara yang membangun adalah pasti akan menghadapi berbagai-bagai masalah berhubung dengan dunia luar, baik dari segi kesan kemeleketan ekonomi dunia atau lain yang sedia mencabar dan oleh hal yang demikian berbagai program dan strategi yang berkesan telah pun disediakan untuk kepentingan ke arah masa depan negara yang lebih cerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah berjimat-cermat Kerajaan ke arah mengukuhkan kewangan dan negara seluruhnya. Tetapi di dalam langkah berjimat-cermat ini tidaklah sampai menjejaskan kepentingan perbelanjaan untuk pembangunan khasnya di kawasan luar bandar. Kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar, khasnya di negeri Sarawak bukan berkurangan tetapi semakin bertambah. Dan oleh hal yang demikian, saya menyeru Kerajaan agar peruntukan untuk pembangunan khasnya untuk kawasan luar bandar tidak dipotong. Pembangunan yang saya maksudkan di sini adalah merupakan api, air bersih dan sedikit manfaat yang lain yang tidak ada bandingan dengan pembangunan yang ada di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, taraf kesihatan rakyat perlu diberi perhatian, khasnya penduduk-penduduk di kawasan pedalaman terutama di Sarawak yang mempunyai penduduk-penduduk bertabur, yang susah dihubungi. Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya klinik-klinik desa dibina lebih banyak lagi di tempat-tempat yang tertentu. Perkhidmatan Doktor Udara (flying Doctor Service) yang menelan perbelanjaan beratus-ratus ribu ringgit tiap-tiap tahun dikurangkan dan wang itu lebih baik digunakan untuk pembinaan klinik di kawasan-kawasan

yang susah dihubungi yang mana penduduk-penduduk yang ramai. Bekalan ubat-ubatan di klinik di kawasan pendalaman juga jauh berkurangan. Dan saya menyeru Kementerian berkenaan agar perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelajaran kami di Sarawak amatlah jauh ketinggalan walaupun banyak sekolah-sekolah telah lama dibina di merata-rata tempat tetapi keadaan setengah-setengah sekolah itu tidak memuaskan, tidak ada kemudahan-kemudahan asas seperti yang terdapat di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia. Saya percaya, oleh hal yang demikian, ada sekumpulan guru-guru dari Semenanjung yang telah dihantar bertugas ke negeri itu telah pun meninggalkan sekolah-sekolah yang mereka ditugaskan. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi dan saya ingin merayu kepada Kementerian Pelajaran agar memilih, mengambil dan menghantar mereka yang betul-betul mahu berkhidmat tidak pilih di mana jua mereka ditugaskan. Saya berharap juga Kementerian akan memberi taklimat dan gambaran-gambaran mengenai keadaan-keadaan di negeri Sarawak khususnya di kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru sekali lagi kepada Kementerian Pelajaran agar pembinaan sekolah rendah Kerajaan Batang Air di daerah Lubuk Antu Sarawak yang sudahpun diluluskan dan lama terbengkalai dibina dengan seberapa segera. Ini memandangkan 5 buah sekolah rendah yang akan ditenggelami air oleh sebab pembinaan projek hydro-elektrik di kawasan itu telah pun selesai dipindahkan, murid-murid dan guru-guru sekarang di tumpangkan kepada sekolah-sekolah berhampiran di daerah Lubuk Antu.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya perkara ini tidak harus berlaku. Sebelum pembinaan projek hydro-elektrik ini dijalankan, kajian dan rancangan-rancangan penempatan semula kepada penduduk-penduduk di rumah panjang dan sekolah-sekolah di kawasan itu yang akan ditenggelami air haruslah dibina terlebih awal dan apabila siap baharulah mereka ini dipindahkan ke kawasan itu. Tetapi saya sebagai Wakil Rakyat dari kawasan itu tidak puas hati melihat keadaan sedemikian. Operasi pindah tahap ke dua baharu sahaja selesai dijalankan, ini melibatkan 2 buah sekolah rendah dan 11 buah rumah panjang. Guru-guru dan murid daripada 2 buah sekolah ini ditumpangkan di sekolah rendah Kerajaan Lubuk Antu dan keluarga daripada 11 buah rumah panjang itu terpaksa membuat pondok-pondok sementara, sementara menunggu rumah panjang mereka siap dibina. Keadaan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah macam orang-orang pelarian, keadaannya amat menyedihkan sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat agar perkara dan masalah ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada pengangkutan di mana saya berpendapat sistem pengangkutan keretapi haruslah diperkembangkan ke negeri Sarawak untuk mengangkut barang-barang dagangan dan juga penduduk-penduduk tempatan. Sistem ini perlu sebagai satu cara untuk menambah baik pengangkutan yang masih berkurangan di Sarawak. Jalanraya-jalanraya yang tidak memuaskan yang hanya ditaruh batu sahaja akan menjadi licah apabila hujan dan akan berdebu apabila musim kemarau. Saya mohon agar Kerajaan bermurah hati memberi peruntukan yang cukup supaya keadaan jalanraya-jalanraya ini dapat dibaiki dan ditar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian dalam Negeri agar masalah anggota-anggota Pasukan Pengakap Sempadan Sarawak (Border Scout) yang lebih kurang seramai seribu orang di Sarawak yang tidak mempunyai tempat tinggal yang selesa dan kemudahan-kemudahan asas seperti terdapat oleh rakan-rakan sejawat mereka anggota polis. Mereka dengan keluarga mereka tinggal di merata-rata tempat di seluruh negeri Sarawak. Memandangkan setakat mereka bertugas di bawah pentadbiran Polis Di Raja Malaysia. Saya mencadangkan agar mereka ini dijadikan satu batalion dan diserapkan sebagai regular unit seperti Pasukan Batalion di Perak (Senoi Praaq) di mana mereka tinggal di kem sebagai satu kumpulan pasukan keselamatan negara .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Pertahanan, Kerajaan-kerajaan Negeri, baik Kerajaan Pusat dan juga orang-orang yang kaya di dalam negeri ini, bermurah hati menderma di mana tiap-tiap tahun dilaung-laungkan di dalam televisyen semasa Hari Pahlawan yang selalu menyatakan; "Dermalah Kepada Yang Berjasa". Rayuan Hari Pahlawan ini selalu diadakan pada tiap-tiap tahun. Derma-derma oleh orang ramai adalah untuk menolong anggota-anggota yang cacat dan yang terkorban, anak-anak dan keluarga mereka yang tidak mempunyai daya upaya hendak bekerja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, derma-derma yang diterima daripada kalangan orang ramai tidak begitu menggalakkan dan oleh hal yang demikian saya sebagai seorang bekas pegawai Angkatan Tentera merasa kesal dan malu terhadap response orang ramai kepada rayuan Hari Pahlawan ini. Boleh jadi rakyat

sudahpun bosan terhadap rayuan oleh yang dikatakan "berjasa" ini pada tiap-tiap tahun.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan agar rayuan ini dihentikan dan mencari jalan-jalan lain untuk menolong anggota-anggota yang dikatakan berjasa ini, untuk menampung saraan hidup mereka yang cacat, keluarga dan anak-anak anggota yang terkorban itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan tahun 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.54 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan 1985 dan walaupun ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah sangat luas dan meliputi bidang-bidang seperti masalah kemiskinan, seperti Dasar Ekonomi Baru, seperti masalah defisit di dalam imbalan pembayaran negara kita, tetapi saya rasa ada satu perkara yang perlu dibangkitkan iaitu satu masalah yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, iaitu perkara regional integration ke arah perpaduan negara kita.

Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan sekali lagi persoalan kemiskinan di negeri Sarawak dan bersama-sama dengan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua pihak Pembangkang serta Barisan Nasional dari negeri Sarawak, saya ingin memberi "highlight", dengan izin, kepada masalah itu yang telah

menjadi penghalang utama dalam usaha memupuk perpaduan nasional melalui pembangunan wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ketiga dan keempat Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, menyatakan seperti berikut, dengan izin:

“Perbezaan di antara wilayah diberi perhatian dalam pembangunan negara, memandangkan wujudnya perbezaan ini secara berterusan bukan sahaja tidak dapat diterima oleh masyarakat dan bertentangan dengan objektif Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat adil dan saksama tetapi juga merupakan punca penting yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa setiap kali kami dari negeri Sarawak, tidak kira dari pihak Barisan Nasional ataupun dari pihak Pembangkang, apabila kami menyuarakan aspirasi untuk menikmati keadilan yang lebih di bawah sistem Persekutuan untuk mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi negeri Sarawak, bertanding dengan negeri-negeri lain; jawapan Menteri Persekutuan atau ulasan akhbar adalah dalam bentuk nasihat supaya janganlah kami bersikap “parochial”, dengan izin. Rakyat negeri Sarawak seringkali telah diingatkan bahawa masalah-masalah mereka adalah hanya merupakan masalah salah satu daripada beberapa negeri-negeri di Malaysia.

Apabila saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya royalti minyak, contohnya, bagi negeri Sarawak, dinaikkan dari 5% kepada 10%, jawapan yang saya terima adalah bahawa Sarawak mesti menerima layanan yang sama patut dengan negeri-negeri yang lain yang kaya

dengan minyak seperti Terengganu. Menurut beliau, Sarawak tidak boleh mengharapkan apa-apa layanan yang khas yang lain. Sikap cetek yang ditonjolkan oleh Kerajaan tidak menitikberatkan latar belakang sejarah serta politik negeri Sarawak yang unik sebagai sebahagian daripada Malaysia.

Kerajaan Pusat telah tidak boleh menyelesaikan dengan berkesan masalah nasional seperti ketidakseimbangan kawasan di negeri Sarawak. Satu hakikat politik yang mesti diterima serta dihadapi oleh semua rakyat Malaysia termasuk ahli ahli politik Barisan Nasional serta Pembangkang, perancang-perancang ekonomi dan peniaga-peniaga, adalah bahawa kemunduran ekonomi negeri Sarawak, malah negeri Sabah juga bukanlah suatu masalah Malaysia Timur semata-mata tetapi melibatkan semua rakyat Malaysia.

Kegagalan menerima hakikat ini akan mengukuhkan polarisasi regional yang kini wujud di antara Malaysia Barat serta Malaysia Timur dan seterusnya mengancam sikap halus nasionalisme yang sedang cuba dipupuk.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan sensitivity demikian bukan sahaja ditonjolkan oleh ahli-ahli politik Persekutuan serta pembuat-pembuat dasar di Kerajaan Pusat, malah juga oleh pengulas-pengulas akhbar. Ini terbukti daripada satu keluaran *Dewan Masyarakat* yang terbaharu dan juga supplement khas Hari Kebangsaan akhbar *The Star* tahun ini, yang secara khusus membincangkan persoalan polarisasi kewilayahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menyedari aspirasi rakyat negeri Sarawak apabila keputusan untuk menyertai konsep Malaysia telah dibuat dalam tahun-tahun pergolakan sebelum dan selepas tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang balik ke rumah dan kampung masing-masing pada hujung minggu ini berjumpa dengan anak isteri kesayangan atau suami kesayangan

masing-masing, selamat balik dan selamat kembali ke Dewan ini pada hari Isnin di dalam keadaan yang lebih bertenaga.

Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.